

**Bab 2:
Asal-usul
Dosa Warisan**

A. PENDAHULUAN

Perbincangan di dalam bab yang terdahulu menyatakan bahawa doktrin dosa warisan tidak wujud di peringkat awal penyebaran agama Kristian. Ianya mula dicetuskan oleh St. Paul setelah beliau memeluk agama Kristian dengan tujuan untuk menjadikan agama Kristian agama anutan universal. Justeru, di dalam bab ini, penulis akan mengupas tentang asal-usul dosa warisan dan perkara-perkara yang membawa kepada wujudnya doktrin tersebut. Sepanjang kajian ini mendapati doktrin tersebut tidak wujud secara langsung sebagai doktrin di dalam agama-agama Pagan¹. Namun begitu, didapati perkara-perkara, fahaman-fahaman, kepercayaan-kepercayaan, amalan-amalan dan peristiwa-peristiwa yang membawa kepada wujudnya doktrin tersebut mempunyai banyak kesamaannya dengan praktikal dan kepercayaan dalam agama Pagan. Antaranya ialah berkenaan "*the dead rising god*", tujuan kematian seseorang Tuhan atau hero dan kedudukan mereka di dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, kajian ini akan menjelaskan tentang bentuk-bentuk penebusan jiwa yang terdapat di dalam agama-agama kuno atau agama Pagan. Walaupun ianya agak berlainan dengan apa yang diajarkan oleh St. Paul tetapi asasnya adalah sama. Ini dapat dilihat khususnya dari segi tujuannya iaitu untuk menghilangkan penderitaan yang dialami oleh manusia. Oleh itu, bab ini tidak akan hanya menyentuh mengenai dosa warisan tetapi juga perkara-perkara

¹ Pengertian Pagan akan dibincangkan dengan lebih mendalam *infra* bab ini hal 124-127.

yang berkaitan dengannya antaranya seperti penumpahan darah, kebangkitan semula dan penebusan dosa. Perbahasan mengenai perkara-perkara tersebut adalah penting kerana ianya saling lengkap melengkapi untuk membentuk doktrin dosa warisan. Selain daripada itu, pemilihan Tuhan-tuhan di dalam agama Pagan adalah bergantung kepada perjalanan sejarah dan riwayat hidup mereka terdahulu. Ini mempunyai kaitan dengan konsep Jesus Christ sebagai *messiah* dan *saviour* yang bergantung kepada sejarah kehidupannya. Perbincangan ini akan memudahkan lagi kajian untuk mendapatkan landasan teori yang akan membantu penyelidikan mengenai doktrin dosa warisan dan peranan Jesus Christ di dalam menghapuskan dosa warisan.

Tujuan kajian ini menonjolkan perkara-perkara tersebut di atas adalah sebagai usaha untuk melihat asal-usul dosa warisan dan sejauh mana dosa warisan ini adalah doktrin asal yang wujud di dalam agama Kristian atau ia hanya merupakan rangkuman adaptasi daripada agama-agama kuno. Ini akan dapat dilihat melalui perbincangan dan perbahasan tentang asal usul dosa warisan.

B. ASAS PEMBENTUKAN DOKTRIN DOSA WARISAN DI DALAM AGAMA KRISTIAN

Agama Kristian mempunyai pandangan yang berbeza terhadap dosa berbanding dengan agama-agama lain terutamanya Islam dan Yahudi. Mereka membahagikan dosa kepada dua bentuk iaitu dosa warisan ataupun *original sin*

dan dosa berdasarkan salah laku manusia atau *actual sin*. Dosa warisan dianggap sebagai asas di dalam akidah agama Kristian ataupun sebagai *theological doctrine*. Oleh itu ianya wajib diyakini dan diimani oleh para pengikutnya.

Di dalam agama Kristian, dosa dianggap sebagai suatu keengkaran manusia terhadap kehendak dan perintah Tuhan ataupun ianya sebagai suatu *disobedient to the will of god*. Manakala dosa warisan pula merupakan suatu bentuk dosa yang diwarisi oleh manusia daripada dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve di dalam Eden. Melalui pengertian yang ringkas di atas dapat dikatakan bahawa dosa dan dosa warisan berada di dalam dua kedudukan yang berbeza terutamanya dari segi bagaimana dosa itu dibebankan ke atas manusia. Perkara pertama iaitu *actual sin* atau *disobedient to the will of God* merupakan dosa atas perbuatan sendiri manakala yang kedua adalah suatu dosa yang tidak dilakukan tetapi diperolehi hasil daripada warisan atau *inherited*. Oleh itu, secara logiknya dapat dikatakan bahawa yang kedua adalah sesuai untuk dijadikan suatu bentuk akidah berdasarkan kedudukannya kerana ianya diajarkan kepada para pengikut dan ianya mesti diimani. Manakala dosa bahagian pertama hanyalah merupakan suatu bentuk kenyataan sahaja dan ianya adalah bersifat umum di mana segala perbuatan yang bertentangan dengan kehendak Tuhan adalah di anggap berdosa. Ini bersesuaian dengan apa yang dinyatakan oleh Khwaja Kamaluddin di dalam bukunya *The Sources of Christianity* yang menyatakan

bahawa agama Kristian merupakan agama yang penuh dengan upacara-upacara keagamaan ataupun *Christian Sacrament*².

Perbincangan mengenai dosa warisan oleh para sarjana Kristian dan Islam agak meluas. Ini kerana doktrin dosa warisan mempunyai kaitan yang rapat dengan ajaran bahawa Jesus Christ diutuskan ke dunia sebagai penyelamat ataupun *Messiah*. Walaupun demikian di dalam *The New Testament* tidak wujud kenyataan yang jelas dan secara langsung menyebut bahawa Jesus Christ adalah penebus dosa warisan. Apa yang dinyatakan hanyalah kematian Jesus adalah kerana dosa manusia dan di antara kenyataan yang terdapat di *Romans 6:10*:

"The death he died, he died to sin once for all; but the life he lives, he lives to God."

Perutusan Jesus Christ adalah semata-mata kerana kesalahan tingkah laku yang dilakukan oleh nenek moyang manusia semasa berada di Eden. Penciptaan Adam sebagai manusia pertama telah melahirkan suatu bentuk penghidupan baru sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah s.w.t iaitu menjadi penghuni dan khalifah di mukabumi. Di dalam agama Kristian, perutusan Jesus Christ adalah sebagai Adam yang terakhir yang akan menjadi penyelamat kepada seluruh manusia yang berdosa akibat daripada kesalahan yang dilakukan oleh Adam yang pertama. Justeru, perbincangan mengenai Adam dan Eve sebagai subjek asa ke arah pembentukan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian dilakukan.

² Khwaja Kamaluddin (1925), *The Sources of Christianity*, hal. 44.

Perbahasan yang lebih tuntas berkenaan dosa warisan dan konsepnya akan penulis kupas dengan lebih panjang lebar di dalam bab 3 nanti. (hal. 188-219).

1. Adam dan Eve.

Di dalam membincangkan dosa warisan ini tidak dapat tidak, kisah Adam dan Eve perlu dibincangkan. Ini kerana menurut kepercayaan agama Kristian, Adam dan Eve adalah punca kepada wujudnya dosa warisan. Justeru, dalam menyentuh kisah dosa warisan yang dikatakan daripada Adam dan Eve, kajian ini akan melihat dari aspek peristiwa yang terdapat dalam *The Old Testament* sebagai salah satu sumber rujukan agama Kristian kini khususnya dalam *Genesis* yang memaparkan kisah Adam dan Eve sebagai nenek moyang manusia. Nama Adam telah disebut sebanyak 500 kali di dalam *The Old Testament*, dan sebanyak sembilan kali di dalam *The New Testament*³.

Di dalam *The Old Testament*, terdapat dua versi penceritaan tentang penciptaan Adam iaitu versi Priest dan versi Yahwist⁴. Adam dicipta pada hari

³ J.D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 13.

⁴ Versi Priest terdapat di dalam *Genesis 1:26-30*:

"Then God said, Let us make man in our image, in our likeness, and let them rule over the fish of the sea and the birds of the air, over the livestock, over all the earth, and over all the creatures that move along the ground." So God created man in his own image, in the image of God he created him, male and female he created them. "Be fruitful and increase in number; fill the earth and subdue it. Rule over the fish of the sea and the birds of the air and over every living creature that moves on the ground." Then God said, "I give you every seed-bearing plant on the face of the whole earth and every tree that has fruit with seed in it. They will be yours for food. And to all the beasts of the earth and all the birds of the air and all the creatures that move on the ground-

ke-6 iaitu selepas Tuhan mengambil masa lima hari untuk mencipta syurga, bumi, cahaya, angkasa, air, buah-buahan dan haiwan⁵. Pada hari ke-7 Tuhan dikatakan berhati selepas melakukan kerja-kerja penciptaan⁶ yang pastinya bertentangan dengan sifat Tuhan yang sempurna dan berkuasa.

Setelah selesai mencipta makhluk yang Tuhan inginkan, maka pada hari ke-6 Tuhan mengambil debu daripada tanah (bumi) dan mencipta bentuk

everything that has the breath of life in it-I give every green plant for food."
And it was so.

manakala versi *Yahwist* di dalam *Genesis* 2:7-25:

"the Lord God formed the man from the dust of the ground and breathed into his nostrils the breath of life and the tree of the knowledge of good and evil... The Lord God took the man and put him in the Garden of Eden to work it and take care of it. And the Lord God commanded the man, 'You are free to eat from any tree in the garden; but you must not eat from the knowledge of good and evil, for when you eat of it you will surely die.' The Lord God said, 'It is not good for the man to be alone. I will make a helper suitable for him.' Now the Lord God had formed out of the ground all the beasts of the field and all the birds of the air. He brought them to the man to see what he would name them; and whatever the man called each living creature, that was its name. So the man gave names to all the livestock, the birds of the air and all the beasts of the field. But for Adam no suitable helper was found. So the Lord God caused the man to fall into a deep sleep; and while he was sleeping, he took one of the man's ribs and closed up the place with flesh. Then the Lord God made a woman from the rib he had taken out of the man, and he brought her to man.

The man said,

*This is now bone of my bones and flesh of my flesh;
she shall be called 'woman'
for she was taken out of man."*

*For this reason a man will leave his father and mother and be united to his wife,
and they will become one flesh. The man and his wife were both naked, and
they felt no shame.*

⁵ *The Old Testament (Genesis 1:1-25).*

⁶ *The Old Testament (Genesis 2:2).*

manusia. Tuhan meniupkan roh ke dalam tubuh manusia melalui hidungnya, lalu hiduplah manusia⁷. *Genesis 2:7* menyebut:

*"And the LORD God formed man of the dust of the ground,
& breathed into his nostrils the breath of life; and man
became a living soule."*

Setelah sempurna penciptaan, maka manusia yang pertama ini dinamakan Adam. Perkataan Adam diambil daripada kata *adama* yang bererti tanah atau *dust of the ground*⁸ kerana Adam diciptakan daripada tanah. Penciptaan Adam adalah hasil daripada imbasan atau imej Tuhan. Melalui imej inilah Adam diciptakan⁹. *Genesis 1:27* menyebut:

*"So God created man in his owne Image, in the Image of
God cretaed hee him; male and female created hee them."*

Justeru, Adam mempunyai dua komposisi utama iaitu tanah (jasad) dan ketuhanan (roh) yang mana menjadikan Adam makhluk yang paling istimewa sekali kerana merupakan kombinasi dua perkara iaitu makhluk dan Tuhan ataupun *earthly and heavenly*¹⁰.

⁷ Untuk keterangan lebih lanjut, sila rujuk Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali, "Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huriaian Awal" *Jurnal Fikrah*, jilid 2, Unit Pendidikan Islam, Pusat Pendidikan Persediaan, Institut Teknologi Mara, Jun 1999.

⁸ S.G.F. Brandon (1969), *Religion in Ancient History*, hal 25.

⁹ Loc.cit., "Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huriaian Awal".

¹⁰ Charles D. Barret (1980), *Understanding the Christian Faith*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc., hal. 278.

Tujuan diciptakan manusia adalah untuk memenuhi kehendak Tuhan supaya manusia memanfaatkan semua ciptaan Tuhan yang telah dicipta sebelum Adam. *Genesis 1:28* menyebut:

"And God blessed them, and God said vnto them, Be fruitfull, and multiply, and replenish the earth, and subdue it, and haue dominion ouer the fish of the sea, and ouer the foule of the aire, and ouer euery liuing thing that mooueth vpon the earth."

Melalui keterangan di atas dapat difahami bahawa antara tujuan utama manusia diciptakan ialah untuk memakmurkan bumi yang telah disediakan khusus oleh Tuhan supaya manusia tinggal di dalamnya dan memperkembangkan zuriat mereka supaya memenuhi bumi. Setelah selesai manusia diciptakan, Adam ditempatkan di dalam syurga Eden¹¹. Tuhan telah memberi kebebasan kepada Adam untuk melakukan apa sahaja dan makan apa sahaja. Hanya satu sahaja yang dilarang daripada Adam untuk melakukannya. *Genesis 2:16-17* menyebut:

"And the LORD God commanded the man, saying , Of euery tree of the garden thou mayest freely eate. But of the tree of the knowledge of good and euill, thou shalt not eate of it: for in the day that thou eatest thereof, thou shalt surely die."

Di samping itu Tuhan mempertanggungjawabkan kepada Adam semasa berada di dalam Eden untuk memberi nama kepada setiap makhluk yang telah

¹¹ Perkataan Eden merupakan perkataan rakyat Babylon iaitu *edina* yang bererti *plain or steppe* ataupun kawasan tanah lapang dan luas. Ada juga yang menyatakan ianya berasal daripada rakyat Mesopotamia. S.G.F. Brandon (1969), *Religion in Ancient History* hal. 25.

Tuhan ciptakan¹². Namun, tugas yang diterimanya tidak dapat menggembirakan Adam yang merasa kesunyian di dalam Eden. Tuhan menidurkan Adam dan mengambil sebilah daripada tulang rusuknya lalu Tuhan mencipta seorang teman yang berlainan jantina untuk Adam¹³ dan dikenali sebagai *Eve* ataupun Hawa daripada tulang rusuk tersebut. Tinggallah keduanya dengan gembira di dalam Eden dan mereka bebas untuk melakukan apa sahaja dan makan apa sahaja yang terdapat di dalam Eden kecuali mendekati serta memakan buah daripada pohon larangan¹⁴.

Kebahagiaan yang mereka perolehi semasa tinggal di dalam Eden tidak lama. Di dalam *The Old Testament* ada menceritakan bahawa seekor ular besar atau *serpent*¹⁵ datang menggoda Eve supaya memakan buah daripada pohon larangan. Hasil pujuk rayunya, Eve telah mengambil buah daripada “*tree of the knowledge of good and evil*”. Eve telah mengambil dua biji dan memakan sebiji daripadanya serta memberikan sebiji lagi kepada suaminya Adam yang turut memakannya.

¹² Untuk keterangan lanjut lihat *The Old Testament (Genesis 2:18-20)*.

¹³ Lihat *The Old Testament (Genesis 2:22-23)*.

¹⁴ Untuk mendapatkan keterangan lanjut rujuk Khadijah binti Mohd Khambali @ Hambali, “*Konsep Penciptaan Manusia Menurut Bible: Satu Huraian Awal*”.

¹⁵ Di dalam agama Kristian yang dimaksudkan dengan ulara besar ataupun *serpent* sebenarnya ialah syaitan. S.G.F Brandon (1969), *Religion in Ancient History*, hal. 28.

Selepas memakan buah tersebut, kedua-duanya mendapati semua pakaian mereka terlucut dan di dalam keadaan yang mengaibkan. Ini mendorong mereka berdua menjahit beberapa helai daun untuk dijadikan pakaian menutup kemaluan mereka. Apabila Tuhan mengetahui tentang kesalahan yang telah dilakukan oleh keduanya, lalu dijatuhkan hukuman ke atas tiga pihak yang terlibat iaitu ular besar ataupun *serpent*, Adam dan Eve¹⁶.

Berikutan daripada itu, Tuhan menjatuhkan hukuman kepada Adam dan Eve iaitu dibuang dari syurga Eden. Adam dan Eve dikeluarkan dari Eden dan dicampak ke bumi yang memang telah disediakan untuk mereka berdua bagi memakmurkannya. *Genesis 3:22* memaparkan kisah tersebut:

"Therefore the LORD God sent him forth from the garden of Eden, to till the ground, from whence he was taken."

Menurut agama Kristian, kesalahan dan dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve adalah dosa pertama yang dilakukan oleh manusia. Melalui Adam dan Eve wujudnya dosa dan kematian sebagai hukuman Tuhan di atas kesalahan dan kelalaian mereka. Jika keduanya tidak melakukan kesalahan tersebut, pasti tidak akan wujudnya dosa dan kematian. Oleh kerana keduanya dihumban ke dunia, dosa dan kematian turut serta turun ke dunia ini¹⁷. Perkara ini dinyatakan dengan

¹⁶ Kronologi peristiwa dan hukuman-hukuman Tuhan dapat dilihat di dalam *The Old Testament (Genesis 3:1-24)*.

¹⁷ J.D. Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 14.

jelas di dalam *The New Testament* bahawa pemindahan dosa ini dilakukan oleh Adam dan dosa yang dilakukannya adalah dosa yang pertama¹⁸. Kesannya, generasi manusia akan mati kerana dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve. Oleh itu manusia akan terus mewarisi dosa dan kematian yang disebabkan oleh Adam dan Eve.

Oleh kerana Tuhan tidak mahu melihat manusia terus menderita dengan dosa yang diwarisinya dan untuk membuktikan cinta dan kasih sayang Tuhan kepada manusia, Tuhan mengutuskan satu-satunya anak tunggal-Nya ke dunia melalui Jesus Christ sebagai penyelamat dan penebus dosa warisan. Dengan itu, manusia telah bebas daripada tanggungan dosa yang dilakukan oleh nenek moyang mereka. Tuhan mengutuskan malaikat Gabriel untuk memberitahu Mary terpilih sebagai ibu Jesus Christ. Mary juga disebut sebagai *Mother of God* terutamanya oleh mazhab Roman Katholik kerana anak yang dilahirkan olehnya adalah seorang Tuhan¹⁹ yang merupakan satu-satunya anak Tuhan atau *son of God*. Pemilihan Mary sebagai ibu kepada anak Tuhan adalah kerana beliau merupakan satu-satunya manusia yang suci dan tidak menanggung dosa warisan sebagaimana orang lain. Mary telah ditentukan sebagai manusia yang tersedia untuk Tuhan kerana beliau memikul tanggungjawab yang besar iaitu melahirkan Jesus Christ tanpa bapa yang dianggap sebagai penyelamat manusia sejagat

¹⁸ Lihat *The New Testament (Romans 5:12 & 14)*.

¹⁹ Loraine Boettner (1962), *Roman Catholicism*. Philadelphia: The Presbyterian and Reformed Publishing Company, hal. 134.

daripada memikul dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve. Tuhan telah memilih dan memuliakan Mary sebagai wanita suci daripada wanita-wanita Bani Israel yang lain untuk melahirkan Jesus Christ yang kemudiannya dipercayai anak Tuhan dan Tuhan Anak oleh para pengikut Kristian²⁰. Kesucian Mary pula sentiasa terpelihara daripada dicemari. Mary juga sentiasa berada di bawah perhatian dan peliharaan *Holy Spirit*²¹.

Berdasarkan perbincangan, memperlihatkan juga bahawa tujuan sebenar penciptaan Adam ini adalah untuk menjadi penghuni dunia yang telah Tuhan ciptakan khusus untuk manusia. Hal ini jelas dinyatakan di dalam *The Old Testament* sendiri²². Tujuan Tuhan meletakkan Adam di dalam syurga juga adalah jelas iaitu supaya manusia dapat menentukan takdirnya sendiri sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Oleh itu tempat tinggal Adam di dalam syurga adalah bersifat sementara sahaja sebagaimana yang dapat dilihat di dalam *The Old Testament*²³.

Kesalahan yang dilakukan oleh Adam telah memberikan batu asas kepada pembentukan doktrin dosa warisan. Walaupun kedudukannya tidak begitu jelas

²⁰ Khadijah bt. Mohd. Khambali @ Hambali "Triniti Menurut Agama Kristian", (*Jurnal Usuluddin*, bil. 2, Zulhijjah 1415/Mei 1995), Fakulti Usuluddin, hal. 4

²¹ *Ibid.*, hal. 38 dan lihat juga Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (1999), *Perayaan-perayaan Agama Kristian*. Universiti Malaya: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, hal. 18 & 79-80.

²² Lihat *The Old Testament* (*Genesis 1:28*).

²³ Lihat *The Old Testament* (*Genesis 2:16-17*).

sebelum era St. Augustine yang bertindak mengaplikasikan doktrin tersebut, namun bibit-bibit ke arah kemunculannya telah ada melalui kenyataan-kenyataan St. Paul yang antaranya menyebut kematian Jesus Christ adalah untuk menebus dosa sekalian manusia yang diakibatkan oleh Adam dan Eve²⁴. Bertitiktolak daripada kesalahan yang dilakukan mereka berdua, maka semua keturunannya akan menjadi berdosa. Ini bererti manusia selama-lamanya tidak dapat lari daripada dosa kerana asal-usul keturunan manusia adalah berpunca daripada Adam dan Eve. Dosa warisan ini hanya dapat dihapuskan melalui pengorbanan satu-satunya anak Tunggal Tuhan.

Idea seumpama ini dicetuskan oleh St. Paul sebagai seorang yang pakar dalam falsafah dan ajaran agama-agama Pagan di samping agama Yahudi. St. Paul berusaha mengadun pelbagai ajaran agama Pagan dan agama Yahudi yang disesuaikan dengan ajaran Kristian dengan alasan untuk meletakkannya sebagai agama universal. Bertitiktolak daripada cetusan idea St. Paul, masyarakat sekeliling mudah menerima ajaran beliau kerana mereka masih dibelenggu dengan ajaran-ajaran agama Pagan. Secara tidak langsung, St. Paul berjaya membawa sinar baru kepada agama Kristian yang ditindas oleh masyarakat Yahudi. Ini memberi gambaran bahawa secara tidak langsung, St. Paul berjaya membawa perubahan identiti terhadap ajaran agama Kristian yang asal. Oleh itu terserlah bahawa St. Paul mempunyai motif di sebalik usahanya yang tekal itu.

²⁴ Lihat *The New Testament (Romans 5:12)*.

Keadaan tersebut sekaligus menjadikan agama Kristian agama yang berkembang pesat, namun jauh berbeza daripada identitinya yang asal.

Oleh itu, doktrin dosa warisan ini diletakkan sebagai titik tolak kepada perlaksanaan doktrin-doktrin lain di dalam agama Kristian. Idea tersebut dipercayai diadaptasi oleh St. Paul dan dilaksanakan semasa era St. Augustine daripada ajaran-ajaran agama Pagan dan agama Yahudi.

C. BEBERAPA BENTUK KEPERCAYAAN DAN AMALAN DI DALAM MASYARAKAT AGAMA KUNO.

Di dalam bab 1, telah disebutkan bahawa bumi Palestine merupakan suatu kawasan yang di kelilingi oleh pelbagai tamadun purba seperti Mesir, Mesopotamia, Rom dan Parsi. Selain daripada itu, Palestine merupakan kawasan yang sensitif dan menjadi rebutan kerajaan-kerajaan kuno terdahulu. Ini kerana Palestine terletak di tengah-tengah jalan perhubungan antara Timur dan Barat ataupun antara Asia dan Eropah. Hal ini jelas sebagaimana dinyatakan oleh Kenneth Scott di dalam bukunya *A History of Christianity* bahawa negara Palestine merupakan jalan perdagangan komersial yang penting. Ia menghubungkan Mesir, Syria, Mesopotamia, Phoenicia dan Arab²⁵. Palestine juga merupakan tanah yang subur dengan pelbagai jenis tanaman dan buahan

²⁵ Kenneth Scott (1955), *A History of Christianity*. London: Latourette Eyre and Spottiswoode Limited, hal. 192.

situs berbanding dengan negara-negara jirannya seperti negara-negara Afrika Utara dan Arab yang agak tandus bentuk mukabuminya. Antara hasil tanamannya yang terkenal ialah bijiran, anggur, dan zaitun²⁶. Oleh itu tidak hairanlah ianya begitu berharga kepada sesiapa yang dapat menakluknya kerana ini akan membawa erti bahawa sesebuah kerajaan itu akan berjaya dengan menguasai sebuah kawasan strategik dari segi perdagangan, pertanian dan ketenteraan.

Sebelum bangsa Yahudi mendiami bumi Palestine, penduduk asalnya adalah terdiri daripada orang-orang Kan'an. Palestine juga pernah ditawan oleh pelbagai kerajaan purba seperti Mesir, Babylon, Syria, Rom dan Arab. Palestine juga pernah ditawan oleh tentera-tentera Islam dari kerajaan Turki dan juga bangsa Eropah dari Great Britain²⁷. Memandangkan keadaan latar belakang yang sedemikian, maka tidak hairanlah Palestine menjadi pusat kepada pelbagai kebudayaan, agama dan falsafah kuno yang wujud di persekitarannya. Ini kerana setiap penakluk akan membawa bersama agama, budaya dan falsafah mereka. Oleh itu, bumi Palestine sedikit sebanyak akan terpengaruh dengan unsur-unsur sedemikian dan tidak mustahil ianya boleh meresap ke dalam agama anutan penduduk Palestine. Contoh yang paling mudah ialah apabila bumi Palestine ditawan oleh bangsa Babylon dan bangsa Yahudi telah di buang negara ke Babylon. Setelah tujuh puluh tahun berada di dalam buangan, bangsa Yahudi

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Walid Khalidi (1987), *From Haven to Conquest: Readings in Zionism and the Palestine Problem Until 1948*. Washington: The Institute For Palestine Studies, hal. 15-16.

dibenarkan kembali ke bumi asal mereka. Bangsa Yahudi cuba membina semula agama mereka yang telah hampir musnah dan mengarang semula kitab Taurat yang telah pupus dan musnah berdasarkan ingatan. Oleh itu, tidak mustahil mereka akan mengambil sedikit sebanyak bentuk agama bangsa Babylon. Ini kerana mereka telah kehilangan bahan rujukan asas agama iaitu Taurat dan para penghafaznya.

Begitu juga dengan agama Kristian. Ianya tidak dapat lari daripada mengalami perubahan. Perubahan-perubahan di dalam agama Kristian berlaku apabila St. Paul memeluk agama Kristian. Latar belakang beliau yang begitu dikenali sebagai seorang yang banyak mengetahui tentang falsafah dan agama-agama kuno atau Pagan telah memberikan suatu kelebihan kepada beliau untuk merubah doktrin-doktrin agama Kristian berdasarkan ilmu dan pengalaman yang terdapat di dalam diri beliau. Ini kerana tujuan utama beliau memeluk agama Kristian adalah untuk memusnahkan keasliannya dari dalam. Ini akan meletakkan identiti agama Kristian kini berbeza daripada ajaran asal Jesus Christ. Hanya dengan cara ini sahaja ia dapat menjadi agama universal atau sejagat dan tidak terhad kepada bangsa Yahudi semata-mata. Kajian ini mendapati usaha St. Paul yang dibuat secara halus ini adalah sebagai salah satu usaha beliau merubah identiti agama asal Jesus Christ. Ini pastinya ada kaitan dengan personaliti dan peribadi beliau yang sememangnya memusuhi agama Kristian dan para pengikutnya. Tambahan pula cara beliau memeluk agama Kristian adalah suatu

perkara yang misteri dan dianggap luarbiasa. Pemelukannya ke dalam Kristian hanyalah sebagai satu usaha ke arah menghapuskan keaslian ajaran Jesus Christ²⁸.

Salah satu doktrin yang dimasukkan oleh St. Paul ke dalam agama Kristian ialah doktrin penyelamat yang membawa kepada kewujudan doktrin dosa warisan yang tidak pernah wujud semasa agama ini dikembangkan oleh Jesus Christ, sebaliknya kepercayaan seperti ini diyakini oleh masyarakat agama Pagan. Berdasarkan buku-buku ilmiah seperti *Sacrifice and Sacrament* karangan E.O James, *Zeus. A Study in Ancient Religion* karangan Arthur Bernard Cook, *The Golden Bough* karangan James George Frazer dan *Prolegomena to the Study of Greek Religion* karangan Jane Harrison memaparkan dan membahaskan agama-agama kuno meyakini tentang *saviour* ataupun penyelamat umat manusia yang akhirnya membawa kepada keselamatan dan kesejahteraan manusia. Kebiasaan cara penyelamatan yang dilakukan ialah dengan mengambil alih bebanan kesalahan dan dosa-dosa untuk kebaikan masyarakatnya.²⁹ Mereka yang mengorbankan diri merupakan manusia yang istimewa dan ada yang akhirnya diangkat ke martabat ketuhanan.

²⁸ Ramai sarjana berpendapat sedemikian sebagai contoh O.K. Rahmat S.H, Zainal Arifin Abbas, Ahmad Thomson, Khwaja Kamaluddin, S.G.F Brandon dan Marta Sordi.

²⁹ David Adams Leeming (1990), *The World at Myth*. New York: Oxford University Press, hal. 147.

Jika dilihat di dalam agama Kristian dan agama kuno ini terdapat pelbagai kesamaan seperti penyelamat, darjat penyelamat dan bentuk perkara yang diselamatkan. Di antara agama-agama yang dikatakan mempunyai kaitan dan persamaan (ataupun hampir sama) dengan agama Kristian ialah agama-agama Mesir Purba, Greek, Babylon, Phrygian, Aztec, Zoroastrianism, Buddha dan Hindu. Kesemua agama tersebut merupakan agama Pagan yang mendominasi bahagian Asia Barat dan Eropah sebelum dan semasa era Jesus Christ³⁰. Memandangkan agama-agama bangsa Greek, Babylon, Phrygia dan Mesir Kuno muncul di sekitar Palestine dan kerajaan bangsa-bangsa tersebut pernah menakluki Palestine, apatah lagi agama-agama tersebut begitu popular di kalangan para pengkaji dan sarjana dan sekaligus mempunyai pengaruh yang besar di dalam membentuk pemikiran dan kebudayaan masyarakat Yahudi, maka ianya telah dipilih sebagai sampel kajian untuk menelusuri doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian. Selain daripada itu, agama-agama tersebut diyakini memberi sumbangan terbesar ke arah pembentukan doktrin dosa warisan agama Kristian. Ini jelas di akui oleh Loraine Boettner melalui gambaran beliau di dalam bukunya *Roman Catholicism* bahawa penganut-penganut agama pagan yang memeluk Kristian telah menjadi keliru di antara amalan-amalan agama Kristian dengan amalan-amalan agama lama mereka akibat daripada kemasukan unsur-unsur agama pagan ke dalam agama Kristian dan wujudnya persamaan yang

³⁰ Walaupun demikian haruslah difahami bahawa Paganisme bukan hanya wujud di kawasan Asia Barat dan Eropah sahaja, malahan ianya terdapat di kebanyakan kawasan di seluruh dunia termasuklah di kawasan Timur Jauh. *Infra* bab ini nota kaki no. 33 hal. 125.

ketara di antara kedua-dua agama tersebut terutamanya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan tuhan³¹.

1. Agama Pagan

Perkataan pagan diambil daripada bahasa Latin yang bererti penduduk asal sesebuah kampung atau negeri dan turut bermaksud seseorang yang tinggal jauh daripada kemajuan³². Perubahan penggunaannya sebagai satu istilah agama berkemungkinan mempunyai kaitan dengan para penganut asal agama ini. Penganut agama ini merupakan golongan primitif yang tidak mempunyai agama. Kebanyakan daripada golongan primitif ini telah melantik dan mengambil seseorang yang dianggap istimewa di kalangan mereka sebagai seorang yang agung dan akhirnya disembah sebagai Tuhan. Contoh yang terbaik boleh dilihat sebagaimana yang dilakukan oleh bangsa Mesir Purba apabila mereka melantik Osiris yang asalnya merupakan seorang raja sebagai salah seorang Tuhan mereka.

Pada lazimnya perkataan pagan ditujukan kepada agama-agama *oriental* ataupun agama budaya yang wujud di sekitar Asia Barat dan Eropah pada masa sebelum, semasa dan selepas era Jesus Christ³³. Contoh agama yang termasuk di

³¹ Loraine Boettner (1962), *Roman Catholicism*, hal. 136.

³² E. Bolai Idowu (1973), *African Traditional Religion: A Definition*. New York: Orbis Books, hal. 116.

³³ Namun demikian agama-agama yang mempunyai konsep yang sama dengan agama Pagan memang wujud di seluruh dunia. Di kawasan Asia Tenggara seperti di Kepulauan Borneo, wujud juga agama Pagan dan ianya banyak dianuti oleh masyarakat orang asli. Lihat Charles Hose & William Mc Dougall (1993), *The Pagan Tribes of Borneo*. Singapore: Oxford University Press,

dalam agama Pagan ialah agama-agama di Mesir Purba, Mesopotamia, Kan'an, Greek, Rom, dan India (Hindu dan Budha). Agama Pagan merupakan agama purba dan kesemuanya mempunyai asas yang sama iaitu mempercayai *polytheism*. Setiap agama mempunyai pertalian yang rapat antara satu sama lain dan mempercayai konsep hirarki di dalam susun atur ketuhanan. Apa yang dimaksudkan di sini ialah adanya konsep kekeluargaan di dalam ketuhanan iaitu Tuhan mempunyai cara hidup berkeluarga seperti manusia iaitu terdiri daripada bapa, anak dan saudara mara. Walaupun begitu, hanya satu Tuhan sahaja yang dianggap paling berkuasa dan merupakan ketua daripada sekalian Tuhan yang ada. Kebiasaannya Tuhan Bapa dipilih sebagai Tuhan yang utama. Contoh yang terdekat ialah agama di dalam bangsa Greek. Mereka mengambil Zeus sebagai Tuhan utama atau Tuhan Bapa³⁴ dan Tuhan-tuhan lain seperti Apollo, Poseidon dan Hermes berada di bawah pentadbiran dan kekuasaan Zeus.

Agama Pagan dikenali juga sebagai *Mystery Religion*. Ini kerana kebanyakan cerita mengenai Tuhan pasti dikaitkan dengan sesuatu yang dipercayai misteri seperti cerita-cerita yang berkaitan dengan kematian dan kehidupan selepas mati. Jika dilihat kepada sejarah sesuatu agama Pagan, kebanyakannya berdasarkan kepada cerita-cerita Tuhan yang telah mati dan

jilid 2, hal. 5-19 dan Ivor H.N. Evans (1970), *Studies in Religion, Folk-Lore & Custom in British North Borneo and the Malay Peninsular*. London: Frank Cass & Co Ltd., cet. ke-2, hal. 134-159.

³⁴ Arthur Bernard Cook (1964), *Zeus. A Study in Ancient Religion*. New York: Biblo and Tannen, jilid 1, hal. *preface* xii.

kembali hidup semula. Mereka juga mempunyai kaitan yang rapat dengan Tuhan perempuan atau *mother goddess*. Ini dapat dilihat daripada pasangan Osiris adalah Isis, pasangan Tammuz adalah Ishtar, pasangan Attis adalah Cybele dan pasangan Adonis adalah Aphrodite yang merupakan Tuhan-tuhan agama Pagan kuno. Tuhan-tuhan tersebut juga pada asalnya adalah tidak kekal atau *mortal* kerana mereka adalah manusia biasa yang lazimnya terdiri daripada raja ataupun seorang yang mulia, tetapi akhirnya menjadi kekal atau *immortal* setelah menjalani proses kematian. Ini kerana merupakan pengorbanan semata-mata bertujuan untuk kesejahteraan hidup dan kebaikan rakyat jelata³⁵.

Kebanyakan daripada agama Pagan telah musnah akibat ditelan zaman dan kebiasaannya hilang bersama runtuhnya sesebuah tamadun. Ini kerana pengikut agama ini bergantung kepada sesebuah kerajaan yang memerintah dan apabila sesebuah tamadun itu runtuh, maka secara perlahan-lahan agama tersebut juga akan jatuh dan akhirnya akan hilang sama sekali. Contoh agama Pagan yang telah pupus bersama pupusnya sesebuah kerajaan dan tamadun itu ialah Mesir Purba, Mesopotamia, Babylon, Kan'an dan Greek. Walaupun demikian, terdapat agama Pagan yang masih wujud sehingga kini. Antaranya seperti agama Hindu, Buddha dan Zoroastrianism.

³⁵ W.J. Perry (1923), *The Origin of Magic and Religion*. London: Methuen & Co. Ltd., hal. 31.

a. Mesir Purba

Salah satu tamadun purba yang mempunyai kaitan dengan bangsa Yahudi ialah tamadun bangsa Mesir yang terletak di bahagian selatan Palestine. Bumi Mesir pernah menjadi tempat tinggal bangsa Yahudi sewaktu mereka dijadikan hamba oleh bangsa Mesir. Tamadun Mesir dikatakan sebagai antara tamadun terawal di dunia. Ianya telah wujud sejak lebih tujuh ribu tahun sebelum Masehi lagi³⁶ iaitu telah bermula semenjak zaman awal *Neolithic*³⁷. Penduduk awal Mesir merupakan golongan nomad³⁸ dari padang pasir Sahara yang akhirnya menetap kekal di kawasan lembah Nil kerana terdapatnya sumber bekalan air kekal daripada sungai tersebut. Golongan nomad ini telah membuka dan menduduki kawasan-kawasan desa dan menjadikan bidang pertanian sebagai pekerjaan seharian mereka.

³⁶ G. Mokhtar (1990), *General History of Africa: II Ancient Civilizations of Africa*. California: UNESCO, hal. 62.

³⁷ *Neolithic* merupakan zaman yang berada di penghujung era Zaman Batu (25000SM-5000SM). Zaman ini dikenali sebagai permulaan kepada penerokaan bidang pertanian, penternakan binatang dan penggunaan batu yang diasah sebagai senjata dan perkakasan. Clarence L. Barnhart & Robert K. Barnhart (1992), *The World Book Dictionary*. Chicago: World Book Dictionary, jilid 2 (L-Z), hal. 1392. Zaman *Neolithic* juga dikenali sebagai zaman batu baru atau *New Stone Age* (7000SM-5000SM). J.D. Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 60.

³⁸ Nomad ataupun *nomadism* merupakan suatu cara hidup yang berpindah randah mengikut sumber-sumber kehidupan yang ada di sesuatu tempat dan akan berpindah ke tempat lain jika sepenuhnya dan separuh nomad. Masyarakat nomad di gurun Sahara dikategorikan sebagai nomad sepenuhnya kerana mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada binatang ternakan, tidak mengusahakan pertanian dan tidak membuat binaan kekal. Lihat Hans Ruthenberg (1971), *Farming Systems in the Tropics*. Oxford: Clarendon Press, hal. 5 dan R.J. Johnston, Derek Gregory and David M. Smith (1991), *The Dictionary of Human Geography*. Oxford: Blackwell Reference, edisi ke-2, hal. 328.

Jika dilihat dari sudut sejarah sebagaimana yang dinyatakan oleh G. Mokhtar di dalam buku *General History of Africa*, tamadun Mesir boleh dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu Zaman Pra Sejarah atau *Prehistoric Period*, Zaman Archaic atau *Archaic Period* (3200SM – 2900SM), Zaman Kerajaan Tua atau *The Old Kingdom* (2900SM – 2280SM), Zaman Pertengahan Pertama atau *The First Intermediate Period* (2280SM – 2060SM), Zaman Kerajaan Pertengahan atau *The Middle Kingdom* (2060SM-1785SM), Zaman Pertengahan Kedua atau *The Second Intermediate Period* (1785SM-1580SM), Zaman Kerajaan Baru atau *The New Kingdom* (1580SM-1085SM) dan Zaman Kemerosotan atau *Period of Decline* (1085SM-322SM)³⁹.

Di antara satu zaman dengan satu zaman dan satu dinasti dengan satu dinasti mempunyai perkaitan yang rapat terutamanya di dalam perkara yang berkaitan dengan kepercayaan. Sejarah awal kepercayaan beragama bangsa Mesir Purba tidak diketahui dengan jelas dan dipercayai banyak di antara Tuhan-tuhan bangsa Mesir Purba telah hilang. Ini diakibatkan daripada sejarah awal bangsa Mesir itu yang terlalu tua dan hilang lopus ditelan zaman. Namun, bangsa Mesir mempunyai mitos ketuhanan yang masyhur iaitu Osiris. Penyembahan awal terhadap Osiris sebagai Tuhan di dapati telah wujud sejak zaman Archaic (3200SM-2900SM) iaitu kerajaan Mesir Purba. Ianya dikatakan telah disembah oleh keluarga Menes yang menduduki Thinis dan merupakan pemerintah waktu

³⁹ G. Mokhtar (1990), *General History of Africa*, hal 62-78.

itu. Dinasti Menes dikatakan memerintah di bahagian atas Mesir atau *Upper Egypt* dengan pusat pemerintahannya di Abydos⁴⁰.

Semasa dinasti ke-4 di zaman Kerajaan Tua (2900SM-2280SM), makam raja yang terkenal dan dikenali juga dengan piramid telah dibina di Khufu, Giza di Mesir. Kompleks piramid dikenali dengan *the Great Pyramid* dengan tiga piramid utamanya adalah makam bagi raja-raja dinasti ke-4 iaitu Khufu, Khafre dan Mankaure⁴¹.

Semasa pemerintahan dinasti ke-5 yang juga di zaman Kerajaan Tua, nama-nama Tuhan matahari atau *Sun-God* seperti Re mula dikaitkan mempunyai anak. Salah seorang daripada anaknya dikenali dengan Sahure dan merupakan salah seorang daripada tiga raja yang terawal daripada dinasti ke-5⁴². Pemerintaan dinasti ke-5 juga menyaksikan penyembahan Osiris sebagai Tuhan menjadi begitu popular. Begitu juga dengan Tuhan-tuhan lain seperti Isis, Nephthys, Horus dan Seth. Namun selepas daripada Osiris, Horus adalah yang paling popular dan ianya dilambangkan dengan helang. Oleh kerana itu, setiap raja yang memerintah dianggap dan dipercayai sebagai Horus atau jelmaannya. Justeru, raja-raja akan memakai mahkota yang antaranya mempunyai lambang burung helang yang

⁴⁰ *Ibid*, hal. 63.

⁴¹ *Ibid*. Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati ketiga-tiga raja Mesir dari dinasti ke-4 terbabit.

⁴² *Ibid*, hal. 64.

dikaitkan dengan Horus⁴³. Selain daripada itu, raja-raja yang mati dipercayai akan menjadi Osiris yang akhirnya bersatu dengan Tuhan Akhirat yang turut merupakan Tuhan Matahari iaitu Ra atau Re⁴⁴. Semasa pemerintahan dinasti ini terdapatnya pembinaan-pembinaan rumah ibadat yang besar khusus untuk Tuhan Matahari iaitu Ra atau Re.

Kajian ini mendapati perkara-perkara berkenaan moral, dosa⁴⁵ dan hukuman agama dipercayai mula diperkenalkan kepada rakyat semasa pemerintahan dinasti ke-5. Ini kerana maklumat mengenai perkara-perkara tersebut telah diperolehi melalui *Pyramid Texts*⁴⁶ yang terdapat di piramid-piramid di Sakkara, Mesir yang dipercayai dibina semasa dinasti ke-5.

Semasa era Kerajaan Baru atau New Kingdom (1580SM-1085SM) yang dimulai dengan pemerintahan dinasti ke-18, muncul satu Tuhan baru yang dikenali sebagai Aton⁴⁷ yang dikatakan telah menggugat pengaruh Tuhan-tuhan

⁴³ E.O James (1962), *Sacrifice and Sacrament*. London: Thames and Husson, hal. 37.

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Perbincangan lanjut mengenai dosa di dalam masyarakat Mesir Purba *infra* bab ini hal. 133-135.

⁴⁶ *Pyramid Texts* Merupakan teks-teks yang disusun dan diukirkan oleh para pendita di Heliopolis kira-kira 2400SM. Ianya ditulis di bahagian dalam dinding piramid dinasti ke-5 dan ke-6 pemerintah Mesir. Kebiasaan kandungannya adalah perkara-perkara berkaitan mistik, lagenda, zikir-zikir dan doa, mantera-mantera dan rumus-rumus iaitu lambang atau simbol yang menunjukkan kenyataan kimia atau matematik dan sebagainya. S.G.F Brandon (1973), *Religion in Ancient History*, hal. 102.

⁴⁷ Penyembahan Aton bukanlah berbentuk kepada tuhan yang mempunyai rupa atau bentuk (yang biasanya digambarkan dengan bentuk patung) tetapi lebih kepada bentuk imaginasi dan semangat yang dipercayai merupakan kuasa matahari dan dikenali dengan Aton. E.O James (1962), *Sacrifice and Sacrament*, hal. 75.

lain yang lebih senior daripada Aton. Penyembahannya bermula semasa pemerintahan raja Amenhotep III⁴⁸. Pengaruh Aton sangat kuat hingga salah seorang daripada raja dinasti ke-18 menggunakan nama Aton di dalam namanya iaitu Tut-Ankh-Aton yang akhirnya beliau dikenali dengan nama Raja Tutankhamen. Kepercayaan masyarakat Mesir Purba selepas daripada era dinasti kelapan belas tidak begitu diketahui kerana pada zaman-zaman tersebut, Mesir mengalami ancaman keselamatan daripada tamadun-tamadun luar yang menjadi saingan mereka seperti Rom dan Mesopotamia. Oleh kerana itu, di antara tahun-tahun 1085SM-720SM ianya dikenali dengan zaman kejatuhan ataupun *period of decline* bagi tamadun Mesir Purba.

Walau bagaimanapun, sejarah kepercayaan bangsa Mesir sering dikaitkan dengan kepercayaan berbagai Tuhan yang wujudnya daripada berbagai dinasti raja yang menjadi Tuhan dan memerintah dunia dan alam semesta. Ini berlaku kerana ia dikaitkan dengan mitos tentang Tuhan-tuhan bangsa Mesir yang berasal daripada manusia biasa dan selepas melalui proses kematian telah diangkat kepada suatu darjah ketuhanan seperti yang berlaku ke atas Raja Osiris, Seth, Isis dan Horus⁴⁹. Oleh itu, Tuhan-tuhan bangsa Mesir Purba mempunyai gambaran hidup seperti manusia biasa yang di antaranya mereka berkahwin, mempunyai

⁴⁸ Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati raja terbabit.

⁴⁹ Henri Frankfort (1971), *Kingship and the Gods. A Study of Ancient Near Eastern Religion as the Intergration of Society and Nature*. Chicago & London: The University of Chicago Press, hal. 143-147.

anak dan jatuh sakit. Sebagai contoh Tuhan Re berkahwin dengan Tuhan Nut dan hasil daripada perkahwinan tersebut telah dikurniakan anak dan di antaranya ialah Osiris⁵⁰. Tuhan Horus pula disebutkan pernah meminta pertolongan Seth ketika beliau kurang sihat manakala Tuhan Ra pernah diubati oleh Tuhan Isis apabila beliau dipatuk oleh seekor ular⁵¹. Selain daripada itu, unsur-unsur ketuhanan juga dapat memainkan peranan penting di dalam meninggikan darjat seseorang. Ini dapat dilihat apabila raja-raja Mesir Purba mengaku bahawa mereka merupakan anak kepada Tuhan yang lazimnya memperlihatkan raja-raja Mesir mengaku mereka sebagai anak kepada Tuhan matahari Ra atau Re⁵². Hanya melalui pengakuan tersebut, masyarakat Mesir boleh menerima dan mempercayai raja mereka adalah Tuhan.

Di dalam membincangkan perihal ketuhanan bangsa Mesir Purba selanjutnya didapati mitos Tuhan mereka yang paling terkenal ialah Osiris dan Isis dan sekaligus dikaitkan pula dengan nama-nama seperti Horus, Ra atau Re dan Seth. Ini kerana Tuhan Osiris dan Isis merupakan di antara Tuhan yang masyhur selain Horus dan banyak berjasa kepada masyarakat Mesir. Selain daripada itu, sejarah kehidupan Tuhan Osiris yang begitu menyayatkhan dan kesetiaan Tuhan Isis terhadapnya telah meletakkan mereka berdua sebagai Tuhan yang dipercayai membawa keberkatan terhadap bangsa Mesir. Kisah pengorbanan

⁵⁰ Perbahasan lanjut mengenai Osiris *infra* bab ini hal. 136-142.

⁵¹ James Hastings (1913), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 6, hal. 278.

⁵² *Ibid*.

Tuhan Osiris demi untuk kesejahteraan masyarakat Mesir telah ditonjolkan dengan begitu hebat sehingga meletakkannya sebagai Tuhan yang berani dan masyhur.

Bertitiktolak daripada kisah tersebut, didapati rentetan peristiwa yang berlaku terhadap Osiris ini mempunyai banyak persamaan dengan rentetan peristiwa yang berlaku ke atas Jesus Christ seperti yang dinyatakan di dalam *gospel-gospel* agama Kristian. Sebagai contoh, kematian Osiris dan Jesus Christ adalah akibat dikhianati oleh orang yang rapat dengan mereka. Osiris mati akibat dikhianati oleh saudara kandungnya sendiri iaitu Seth dan Jesus Christ pula dikhianati oleh salah seorang pengikutnya iaitu Judas Iscariot. Oleh itu, kemasyhuran seseorang yang telah mati dan dikaitkan pula kematianya membawa keberkatan kepada manusia sejagat akan dinilai sebagai penyelamat dan Tuhan. Keadaan seperti inilah yang dijadikan asas kepada pembentukan doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian.

Berasaskan penjelasan tersebut, memperlihatkan bahawa bangsa Mesir Purba mempunyai pandangan mereka tersendiri tentang dosa. Dosa bagi mereka adalah suatu kesalahan yang hanya boleh ditebus dalam upacara-upacara korban yang melibatkan pertumpahan darah. Upacara-upacara tersebut biasanya dijalankan di kuil-kuil dan tempat-tempat pemujaan yang diketuai oleh seorang ketua agama. Dosa biasanya dikaitkan dengan perbuatan dan kualiti diri seseorang

ataupun tingkahlaku individu. Masyarakat Mesir Purba telah meletakkan perbuatan membunuh, merompak, mencuri, penindasan, tidak menghormati Tuhan dan orang mati (yang kesemua perbuatan tersebut di atas dijatuhi hukuman mati), menipu, menfitnah, tidak jujur, tamak, gundah gulana, bangga diri, banyak bercakap, mencuri dengar, berzina dan onani adalah berdosa dan kesalahan besar⁵³. Maklumat berkenaan perkara-perkara tersebut banyak diperolehi daripada tulisan-tulisan di dalam *Pyramid Texts*.

Di samping itu, masyarakat Mesir Purba mempercayai dosa terbesar dan utama yang telah dilakukan mereka adalah berasal daripada perbuatan manusia kesan daripada kebodohan mereka yang mengakibatkan Ra tidak lagi memerintah dunia secara langsung dan lari menetap di langit. Justeru, dosa besar merupakan penentangan manusia terhadap Ra⁵⁴. Selain daripada itu, dosa juga dilihat berdasarkan kepercayaan masyarakat Mesir Purba yang pada asalnya masuk ke dunia adalah akibat daripada pembunuhan yang dilakukan oleh Seth⁵⁵ terhadap Osiris⁵⁶. Oleh itu, manusia terpaksa menerima hukuman dan kematian akibat perbuatan tersebut.

⁵³ *Ibid*, jilid XI, hal. 544.

⁵⁴ *Ibid*.

⁵⁵ Keterangan lanjut mengenai pembunuhan tersebut *infra* bab ini hal. 139-140.

⁵⁶ *Loc.cit*, *Encyclopedia of Religion and Ethics*, hal. 544. Untuk perbincangan mengenai kepercayaan dan dosa bagi bangsa Mesir Purba dan kaitannya dengan zaman-zaman di atas dapat dilihat dengan lebih lanjut di dalam G.A Wainwright (1938), *The Sky-religion in Egypt its Antiquity & Effects*. Cambridge: At the University Press, hal. 8-93.

Kepercayaan ini mempunyai unsur persamaan dengan kepercayaan agama Kristian yang meletakkan dosa dan kematian diakibatkan daripada perbuatan Adam dan Eve. Kedua-duanya dihukum turun ke dunia membawa dosa dan kematian. Perbincangan mengenai perkara tersebut akan dibahaskan selanjutnya selepas perbincangan yang menyentuh sejarah dan kedudukan Osiris dalam masyarakat Mesir Purba.

Berdasarkan penjelasan-penjelasan tersebut memperlihatkan persoalan dosa di dalam kepercayaan masyarakat Mesir Purba berpunca daripada kesan dan akibat perbuatan manusia yang dihubungkan dengan pengorbanan Tuhan demi kesejahteraan dan kebahagiaan manusia. Ini sekaligus menonjolkan pemerintahan Raja-raja Mesir mempunyai hubungan dan pengaruh utama dalam pembentukan kepercayaan masyarakat Mesir Purba terhadap Tuhan, doktrin dosa dan konsep pengorbanan yang terserlah semasa dinasti ke-5 walaupun raja-raja tersebut tidak keseluruhnya berasal daripada dinasti ke-5. Keadaan ini berlaku kerana bertitiktolak daripada kisah Tuhan Ra-Tuhan Matahari dan Raja Osiris yang mempunyai kaitan rapat dengan Horus, Seth, Isis dan Nephthys ditonjolkan begitu hebat semasa pemerintahan Osiris dan Isis semasa dinasti ke-5. Walaupun Horus, Seth, Isis dan Nephthys menguasai dunia pemerintahan selepas kematian Osiris, namun hubungan mereka dalam setiap peristiwa kehidupan Osiris dan Isis telah meletakkannya menonjol pada dinasti tersebut.

Untuk mendapat penjelasan lanjut tentang kedudukan dan peranan Raja Osiris Mesir Purba yang masyhur itu, perbincangan ini akan melihatnya secara mendalam khususnya peristiwa dan kehidupannya yang dikaitkan dengan persoalan penyelamat, hidup kekal dan pengorbanan sebagai titik tolak kepada memahami doktrin dosa warisan agama Kristian yang dipercayai terpengaruh dengan unsur-unsur kepercayaan masyarakat Mesir Purba.

i. Osiris

Osiris merupakan antara Tuhan yang terawal dan paling popular di kalangan bangsa Mesir Purba atau *Ancient Egypt*. Perkataan Osiris, apabila diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris akan memberi banyak interpretasi seperti *the strong one, the many-eyed one, seat of the eye, the occupier-of-the-throne (king)* dan *he with the forelock*⁵⁷. Beliau merupakan seorang raja awal yang membentuk masyarakat awal Mesir Purba. Kewujudan Osiris tidak dapat dinyatakan secara jelas melalui fakta sejarah. Begitu juga dengan sejarah hidupnya yang banyak dipenuhi dengan mitos. Apa yang jelas cerita mengenai Osiris mulai muncul pada Dinasti Ke-5 dan Ke-6 (kira-kira 2625SM)⁵⁸ di dalam Kerajaan Mesir Tua (2900SM-2280SM). Maklumat mengenainya banyak diperolehi melalui tulisan dalam bentuk lukisan atau *hieroglyphics* di dinding-

⁵⁷ Erik Hornung (1982), *Conceptions of God in Ancient Egypt* (diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris oleh John Baines dari bahasa German). London: Routledge & Kegan Paul, hal. 67.

⁵⁸ James George Frazer (Sir) (1941), *The Golden Bough. A Study in Magic and Religion* (Bhg. IV. Adonis Attis Osiris). London: Macmillan and Co., Limited, jilid II, hal. 4.

dinding, laluan-laluan dan galeri yang terdapat di dalam lima buah piramid di Sakkara, Mesir yang mana ianya dikenali sebagai *Pyramid Texts*⁵⁹.

Kelahiran Osiris juga agak mistik. Ia dikatakan lahir di dalam hari yang tidak terdapat di dalam mana-mana bulan dan mana-mana tahun⁶⁰. Kelahirannya merupakan hukuman di atas kesalahan yang dilakukan oleh ibunya bernama Nut isteri kepada Tuhan Matahari Ra atau Re. Ibunya dikatakan tidak berlaku jujur⁶¹ dengan Ra atau Re dan dengan itu Tuhan matahari telah mengenakan sumpahan ke atas diri Nut agar mengandung dan melahirkan anak di dalam hari yang tidak terdapat dalam mana-mana bulan dan mana-mana tahun atau *in no month and no year*⁶². Osiris lahir pada hari pertama daripada lima hari yang telah ditentukan. Pada hari-hari berikutnya berdasarkan aturan hari sehingga hari yang ke-5 lahirlah Horus, Seth, Isis dan Nephthys. Horus, Seth, Isis, dan Nephthys adalah adik beradik kepada Osiris dan mereka juga telah diangkat ke darjah ketuhanan selepas daripada kematian mereka⁶³.

⁵⁹ *Ibid*

⁶⁰ Mengikut kalender rakyat Mesir di dalam setahun mereka hanya mempunyai 360 hari. Untuk menyamakan kiraan hari mengikut bulan dan matahari mereka telah menambah lima hari lagi pada setiap hujung tahun. Lima hari tersebut tidak dimasukkan di dalam kiraan bulan dan tahun. *Ibid.*

⁶¹ Penulis tidak menjumpai maklumat lain yang menunjukkan apakah bentuk ketidakjujuran yang telah dilakukan oleh Nut terhadap Ra atau Re.

⁶² *Loc.cit, The Golden Bough*, hal. 6.

⁶³ Lionel Casson (1966). *Ancient Egypt*. Nederland, New Virginia: Time-Life International, hal. 184.

Osiris telah dilantik menjadi raja di bumi Mesir. Beliau memerintah bersama isterinya yang merupakan adiknya, Isis. Beliau menukar corak kehidupan rakyat Mesir Purba daripada *cannibalism* kepada *vegetation diets*. Osiris juga menukarkan sikap rakyatnya yang ganas dengan mewujudkan peraturan untuk mereka. Beliau memperkenalkan agama, seni dan sains di kalangan bangsa Mesir Purba⁶⁴. Beliau juga mengajar rakyatnya memetik buah-buahan, membuat arak dan memijak anggur. Beliau juga merantau ke seluruh Mesir untuk memperkenalkan bidang pertanian dan membina tamadun. Isteri beliau juga memainkan peranan penting di dalam memajukan bidang pertanian di kalangan rakyat Mesir Purba. Beliau telah menemui gandum dan barli yang tumbuh melata dan akhirnya ditanam sebagai hasil pertanian.

Hasil daripada usaha yang dilakukan oleh Osiris dan Isis, bangsa Mesir dapat mengetahui cara-cara untuk bertani. Mereka juga mengamalkan cara hidup setempat tanpa perlu berpindah randah dengan menjadikan Sungai Nil sebagai sumber air utama. Oleh itu, jika dilihat dari sudut sejarah, kebanyakan kota dan kerajaan Mesir tertumpu di sepanjang laluan Sungai Nil seperti kota Memphis, Heliopolis dan Geiza⁶⁵.

⁶⁴ V.S. Thatcher, et. al, (1964), *The Universal World Reference Encyclopedia*. Chicago, Illinois: Consolidated Book Publishers, hal. 3669.

⁶⁵ G. Mokhtar (1990), *General History of Africa*, hal. 65.

Kemakmuran negara Mesir di bawah pemerintahan Osiris, telah menyebabkan saudara kandungnya Seth berasa irihati. Beliau dikatakan bersama-sama tujuh puluh dua orang lagi turut berasa irihati terhadap Osiris dan kemudian telah berkomplot untuk membunuh Osiris. Seth dikatakan membina sebuah keranda dengan saiz ukurannya sama dengan saiz tubuh Osiris. Apabila tiba hari yang telah dirancang, Seth mengajak abangnya bersama-sama dengan tujuh puluh dua orang yang bersekutu dengan Seth minum arak yang kononnya untuk merayakan kejayaan Osiris memakmurkan bumi Mesir. Semasa majlis tersebut Seth membuat pengumuman, bahawa barangsiapa yang berjaya memasuki keranda tersebut, maka keranda itu akan menjadi miliknya. Oleh kerana keranda tersebut telah dibuat mengikut saiz badan Osiris, maka Osiris sahaja yang berjaya masuk ke dalam keranda. Apabila Osiris memasuki keranda tersebut Seth dan golongan yang bersekutu dengannya menutup, lalu memaku keranda tersebut dan dihanyutkan ke Sungai Nil⁶⁶. Melalui fakta-fakta sejarah yang diperolehi, usaha untuk menyempurnakan mayat Osiris telah dilakukan sebanyak dua kali oleh Isis. Ini disebabkan mayat Osiris telah dicuri daripada Isis dan telah dipotong-potong ke bahagian yang kecil.

⁶⁶ James George Frazer (1941), *The Golden Bough*, , hal. 7.

Keranda yang mengandungi mayat Osiris yang dicampakkan ke dalam Sungai Nil telah dihanyutkan sehingga ke Byblos⁶⁷. Setelah bersusah payah mencarinya, Isis berjaya membawanya balik ke Mesir. Semasa dalam perjalanan pulang, Seth telah mencuri keranda tersebut dan memotong mayat Osiris kepada empat belas bahagian dan membuangkannya ke dalam Sungai Nil. Walaupun telah dipotong empat belas, Isis masih tetap mencari bahagian-bahagian anggota yang dibuang sehinggalah beliau menjumpai kesemuanya kecuali bahagian kemaluan yang dikatakan telah dimakan oleh ikan. Beliau mencantumkan kesemua anggota dan mengkebumikannya. Namun tempat sebenar mayat Osiris dikebumikan tidak diketahui kerana Isis merahsiakannya. Oleh itu banyak didapati makam-makam di Mesir yang dianggap sebagai kubur Osiris⁶⁸.

Selain daripada kisah tersebut, terdapat sebuah lagi riwayat menyebut bahawa bahagian-bahagian anggota yang dipisahkan tidak dicantumkan oleh Isis, tetapi ditanam di mana sahaja ditemui⁶⁹. Sebagai contoh hatinya dikatakan ditanam di Athribis, tulang belakang di Busiris, leher di Letopolis dan kepala di Memphis. Oleh kerana itu, terdapat banyak kubur Osiris di Mesir. Namun, penulis berpendapat wujud kubur Osiris yang banyak di Mesir adalah kerana Isis mengharapkan agar Osiris dingati dan disembah di mana-mana tempat sahaja di

⁶⁷ Byblos adalah bandar pelabuhan purba dan merupakan rakan dagangan Mesir yang terletak di bahagian pantai Syria. George Rawlinson (1920), *Ancient Egypt*. London: T. Fisher Unwin Ltd., cet. ke-11, hal. 35.

⁶⁸ Loc.cit, *The Golden Bough*, hal. 11.

⁶⁹ Untuk keterangan lanjut *ibid*, hal. 10.

Mesir. Kenyataan tersebut berdasarkan bukti yang menyatakan bahawa Isis telah membuat patung Osiris dan menyerahkannya kepada beberapa orang pemimpin agama untuk dikebumikan di tempat mereka. Oleh itu Osiris akan dihormati sebagai Tuhan. Justeru, tidak hairanlah ramai yang mendakwa mayat Osiris ditanam di tempat mereka seperti di Memphis, Letopolis dan Busiris⁷⁰.

Bangsa Mesir Purba telah menukilkan pada batu-batu mengenai usaha Isis yang dibantu oleh Nephthys mencantumkan bahagian-bahagian tubuh Osiris. Perbuatan ini seolah-olah menggambarkan sebagai memberi nyawa kepada Osiris. Osiris akan bangkit semula dari kematian dan seterusnya menetap di dunia bawah laut dan akan menghakimi perbuatan manusia apabila mereka mati kelak. Kematian Osiris juga dianggap sebagai pembuka jalan untuk manusia menuju ke alam lain selepas kematian. Justeru, untuk tujuan kebangkitan semula, Isis mempastikan Osiris kembali dengan jasad yang sempurna melalui pengawetan mayat. Ini penting untuk pengekalan kehidupan yang seterusnya selepas kematian. Upacara tersebut juga secara tidak langsung menunjukkan seolah-olah Osiris bangkit semula daripada kematian kerana mayatnya tidak hancur dan kekal seperti mana bentuknya yang asal. Kebangkitan semula Osiris pula adalah suatu penebusan kepada manusia untuk hidup kekal selepas mereka mati. Hal ini dapat dilihat apabila bangsa Mesir melihat kebangkitan semula Osiris merupakan suatu jaminan kepada mereka untuk hidup kekal di alam lain. Bangsa Mesir Purba

⁷⁰ *Ibid.*

mempercayai bahawa setiap orang akan hidup kekal di alam lain sekiranya orang yang masih hidup melakukan perkara yang sama seperti yang dilakukan oleh Isis dan Nephthys⁷¹ terhadap mayat Osiris⁷². Bangsa Mesir Purba juga percaya bahawa Osiris diutus ke dunia selain menjadi Tuhan bangsa Mesir, ia juga adalah *mortuary god*⁷³.

Berdasarkan kepada perkara tersebut, masyarakat Mesir pada zaman purba terutamanya golongan diraja yang mati akan diawet mayat mereka dengan menjadikannya mumia sebagaimana yang telah dilakukan oleh Isis dan Nephthys terhadap mayat Osiris. Para raja mereka yang mati dipercayai akan berasimilasi dengan Osiris supaya mereka juga akan bangkit semula ataupun *resurrection* bersama-sama Osiris⁷⁴. Kesan daripada kepercayaan sedemikian, manusia pada hari ini dapat melihat bukti-bukti hasil daripada kepercayaan mereka melalui tinggalan-tinggalan mumia yang masih wujud hingga ke hari ini. Antaranya yang begitu terkenal ialah mumia Raja Nemesis dan Tutankhamen.

Berdasarkan kenyataan tersebut, perkara yang sama cuba dilakukan oleh St. Paul yang berusaha mengadaptasi sejarah hidup Osiris dan kepercayaan

⁷¹ Nephthys merupakan adik kandung kepada Isis. Diangkat menjadi tuhan bagi kaum wanita. Nephthys bererti "Lady of the Castle" dan namanya adalah sinonim dengan Osiris kerana beliau dikatakan membantu kakaknya Isis mengembalikan nyawa Osiris. Lionel Casson (1966), *Ancient Egypt*, hal. 184.

⁷² Loc.cit, *The Golden Bough*, hal. 15.

⁷³ Loc.cit, *Ancient Egypt*, hal. 76.

⁷⁴ S.G.F Brandon (1973), *Religion in Ancient History*, hal. 104.

masyarakat Mesir Purba. Masyarakat Mesir percaya bahawa Osiris adalah penyelamat mereka untuk mengecapi hidup yang kekal di alam lain berbanding dengan hidup yang sementara di dunia. Keadaan ini merupakan suatu kegembiraan kepada bangsa Mesir Purba kerana mereka mempunyai harapan yang baru untuk kekal hidup selamanya. Kepercayaan mereka ini dilambangkan dengan keadaan kekalnya mayat-mayat yang telah diawetkan dan ianya tidak akan musnah ditelan zaman walaupun berusia beribu tahun. Ini sekaligus memperlihatkan bahawa Raja-raja Mesir khususnya Osiris berkorban demi memberikan kehidupan yang kekal kepada bangsa Mesir.

Bentuk kepercayaan seperti itu telah diadaptasi oleh St. Paul dan beliau menyesuaikannya dengan prinsip kepercayaan agama dan masyarakat Kristian agar ia tidak dianggap sebagai penciplak kepercayaan agama purba. Keadaan ini disesuaikan dengan rentetan peristiwa Adam dan Eve serta kaitannya dengan Jesus Christ. Perbuatan Adam dan Eve telah meletakkan semua manusia berdosa⁷⁵. Dosa pula diletakkan sebagai perkara yang menghalang manusia daripada mengecapi kehidupan yang sempurna selepas mati. Justeru, atas sifat kasih sayang Tuhan telah meletakkan Jesus Christ yang dilahirkan oleh Mary yang tersedia untuk Tuhan sebagai penyelamat dan penebus dosa tersebut melalui pensalibannya. Hanya dengan cara demikian ia akan memberikan kegembiraan

⁷⁵ Hal ini telah disebut *supra* bab ini hal. 115-116.

kepada manusia dan melepaskan mereka daripada tanggungan dosa yang telah dilakukan oleh nenek moyang manusia iaitu Adam dan Eve.

b. Mesopotamia

Mesopotamia merupakan tamadun purba yang wujud berhampiran dengan sungai Tigris dan Euphratus. Kewujudannya mungkin sama atau lewat sedikit daripada kewujudan tamadun Mesir Purba. Sepanjang kewujudannya terdapat beberapa buah kerajaan purba yang memerintah seperti Babylon dan Assyria.

Penempatan awal di dalam tamadun Mesopotamia Purba wujud sejak zaman pra-sejarah lagi iaitu kira-kira 5000SM hingga 4000SM⁷⁶. Adalah dipercayai ianya dibuka di Qal'at Jarmo iaitu di bahagian timur Kirkuk yang terletak di kawasan pergunungan Kurdistan⁷⁷. Perkembangan penempatan terawal tersebut telah membawa kepada wujudnya beberapa buah kerajaan yang terkenal seperti Babylon dan Assyria yang bermula seawal tahun 3000SM dan berakhir kira-kira tahun 612SM⁷⁸. Walaupun kerajaan-kerajaan yang wujud di dalam tamadun Mesopotamia begitu awal, tetapi dikatakan empayar mula wujud di Mesopotamia selepas 2400SM apabila bangsa Akkadia mula menduduki Iraq daripada bangsa Sumeria⁷⁹. Namun demikian, terdapat banyak dinasti yang

⁷⁶ Zaman tersebut juga dikenali dengan zaman Neolithic. Catholic University of America (1967), *New Catholic Encyclopedia*, hal. 698.

⁷⁷ *Ibid*.

⁷⁸ *Ibid*.

⁷⁹ Phebe Marr (1985), *The Modern History of Iraq*. Boulder, Colorado: Westview Press, hal. 14.

memerintah mengikut keturunan dan bangsa. Keadaan sedemikian sama halnya sebagaimana yang berlaku kepada tamadun Mesir Purba yang mempunyai banyak dinasti yang memerintah. Antara bangsa yang terkenal di dalam tamadun Mesopotamia Purba adalah bangsa Sumeria, Assyria, Hurria, Hittite dan Elamite. Jika dilihat dari sudut sejarah, kebanyakan bangsa tersebut khususnya bangsa Sumeria dan Assyria mempunyai pengaruh yang kuat terhadap bangsa Yahudi terutamanya dari segi bahasa dan budaya⁸⁰. Begitu juga dengan bangsa Amorite dan Kanaan yang banyak mempengaruhi undang-undang bangsa Yahudi, upacara-upacara kerohanian, perayaan-perayaan, nyanyian, perumpaan dan peribahasa dan pertanian yang dipinjam daripada kedua-dua bangsa tersebut⁸¹.

Di dalam bidang kepercayaan dan pegangan agama pula, masyarakat Mesopotamia mempercayai kepada kepelbagaiannya Tuhan atau *polytheism* mengikut keadaan alam seperti Tuhan Matahari, Bulan, Kilat dan pelbagai lagi. Masyarakat Mesopotamia juga mempercayai Tuhan-tuhan berdasarkan pekerjaan mereka. Sebagai contohnya, di dalam bidang pertanian, masyarakat Mesopotamia mempunyai Tuhan-tuhan yang tertentu seperti Inanna yang dikenali sebagai *Mistress of the Date-Palm Cluster*, Nin-gish Zida yang dikenali sebagai *Lord Effective Tree* dan Nin-I-gara yang dikenali sebagai *Mistress of Ghee and Cream*⁸². Secara dasarnya dapatlah dikatakan bahawa Tuhan-tuhan yang wujud di

⁸⁰ J.D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 581-582.

⁸¹ K.J. Asali (1989), *Jerusalem in History*. England: Scorpion Publishing Ltd., hal. 31.

⁸² Catholic University of America (1967), *New Catholic Encyclopedia*, hal. 703.

dalam masyarakat Mesopotamia Purba adalah tertakluk di dalam istilah "agama Pagan" dan keadaannya sama dengan kepercayaan masyarakat Mesir Purba. Perkara pokok yang terdapat di dalam agama masyarakat Mesopotamia Purba ialah "*dead rising god*" yang mengawal keadaaan-keadaaan tertentu seperti peredaran alam, bulan, matahari, hujan dan sebagainya. Ini bererti Tuhan dalam tamaddun Mesopotamia turut mempunyai peranan dan fungsi tertentu untuk mempastikan kehidupan masyarakat Mesopotamia hidup bahagia. Keadaan ini ada kaitannya dengan fungsi dan peranan Jesus Christ yang telah diletakkan sebagai penyelamat dan penebus dosa manusia untuk mempastikan masyarakat Kristian bahagia. Perkara ini akan dibincangkan lebih lanjut dalam bab 3. (hal. 270-273)

Selain daripada itu, menurut kepercayaan masyarakat Mesopotamia, para pemimpin agama mereka mempunyai kuasa untuk mengampuni dosa-dosa dan kesalahan-kesalahan para penganut. Keadaan ini dapat dilihat ketika perayaan tahun baru atau lebih dikenali dengan nama *Akitu* dan disambut pada bulan *Nisan*⁸³.

⁸³ E.O James (1957), *Prehistoric Religion: A Study in Prehistoric Archaeology*. London: Thames and Hudson, hal. 191. *Nisan* merupakan bulan yang ke-7 jika mengikut kalender Masehi dan bulan yang pertama jika mengikut kalender Yahudi. Bulan ini bermula dari akhir bulan Mac ataupun awal bulan April dan ianya mengandungi 30 hari. Perkataan *nisan* dikatakan daripada bahasa Hebrew yang asalnya dari bahasa Asyria disebut *Aviv*. Clarence L. Barnhart & Robert K. Barnhart (1992), *The World Book Dictionary*, hal 1406 dan R.J. Werblowsky & Geogry Wigoder (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*. Tel Aviv, Jerusalem: Massada Press Ltd., hal. 286.

Pada hari ke-5 sambutannya yang dikenali dengan "*Day of Atonement*"⁸⁴ atau Hari Penebusan Dosa, raja yang memerintah akan menurunkan lambang kuasanya sebagai raja. Raja tersebut kemudiannya akan dipukul dengan kuat oleh pemimpin agama di pipinya dan beliau akan tunduk melutut di hadapan Marduk⁸⁵ sambil mengakui kesilapan-kesilapannya yang lalu dengan mengucapkan kata-kata⁸⁶:

"I have not sinned, O lord of the lands,

I have not been negligent regarding thy divinity,

I have destroyed Babylon..."

Pemimpin agama yang menjalankan upacara tersebut akan menjadi perantara kepada Tuhan dan beliaulah yang akan memberitahu bahawa kesalahan-kesalahan raja tersebut telah diampunkan⁸⁷ dengan katanya⁸⁸:

"Do not fear....what Marduk has spoken....

He (will hear) thy prayer. He will increase thy dominian....

heighten thy royalty..."

⁸⁴ Henri Frankfort (1971), *Kingship and the Gods*, hal. 317

⁸⁵ Marduk merupakan Tuhan bangsa Akkadia dan Babylonia Purba. Dikenali sebagai pencipta dan Tuhan kebangsaan atau *National God*. Dipercayai disembah di sekitar tahun 2000SM-200SM dan dikenali juga dengan *Lugal-dimmer-an-Ki-a* ataupun *divine king of heaven and earth*. Marduk dikatakan mencipta dunia daripada tubuh Tiamat penguasa lautan dan mencipta manusia daripada Apsu, Tuhan air bawah tanah Mesopotamia Purba. Michael Jordan (1992), *Encyclopedia of Gods*. Great Britain: Kyle Cathie Limited, hal. 184, Ninian Smart & Richard D. Hecht (1983), *Sacred Texts of the World. A Universal Anthology*, hal. 6 dan Egerton Sykes (1961), *Dictionary of Non-Classical Mythology*. London: J.M. Dent & Sons Ltd., hal. 135-136.

⁸⁶ Henri Frankfort (1971), *Kingship and the Gods*, hal. 320.

⁸⁷ Catholic University of America (1967), *New Catholic Encyclopedia*, hal. 706.

⁸⁸ Loc. cit, *Kingship and the Gods*, hal. 320.

Sesudah itu raja berkenaan akan memakai semula kelengkapan dirajanya dan sekali lagi dipukul oleh pemimpin agama. Jelaslah di sini bahawa dengan menerima sedikit hukuman dan melakukan sedikit pengakuan dosa, maka raja berkenaan telah bebas daripada dosa-dosanya yang telah lampau. Selain daripada itu, melalui perlaksanaan upacara tersebut memberi penjelasan seolah-olah ianya telah memperbaharui kedudukan takhta rajanya⁸⁹.

Selain daripada itu, seperti agama Kristian yang mempercayai Tuhan Bapa menitiskan zatnya kepada Jesus Christ, masyarakat Babylon yang juga merupakan sebahagian daripada tamadun Mesopotamia juga mempercayai bahawa Tuhan boleh menjelma di dalam diri manusia. Ini kerana mereka melihat bahawa hubungan manusia dengan Tuhan adalah intim. Tuhan dianggap sebagai tuan, manakala manusia sebagai hamba. Manusia dihidupkan oleh roh ketuhanan. Oleh itu juga manusia merupakan anak kepada Tuhan dan ianya bukanlah suatu yang mustahil untuk Tuhan menetap ataupun menjelma di dalam diri manusia. Justeru, tidak hairanlah di dalam sejarah orang-orang Babylon, Tuhan-tuhan mereka seperti Anu, Enlil dan Ia menjelma di dalam diri manusia⁹⁰.

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ E.A Allis Budge (1925), *Babylonian Life and History*. London: The Religious Tract Society, edisi ke-2, hal. 112.

i. Attis

Attis merupakan Tuhan bangsa Phrygian. Namun demikian Attis juga disembah oleh bangsa Rom dan Greek, Cyprus, Syria dan sekitar laut Mediterranean. Para penyembah Attis sentiasa mengaitkannya dengan Tuhan perempuan iaitu Cybele⁹¹. Attis merupakan anak kepada Tuhan Zeus, manakala pokok pine merupakan pokok yang suci bagi Attis. Bagi masyarakat di Asia Kecil, Attis tidak begitu dikenali hingga kurun ke-4SM⁹². Kematian Attis dikaitkan dengan permainan cinta tiga segi yang dialami oleh Attis dengan Agdistis, Cybele dan Ia. Cybele cuba untuk menyelamatkan Attis daripada berkahwin dengan Agdistis yang dianggap kurang siuman. Di dalam usaha untuk menyelamatkan dirinya, Attis telah mengecilkan dirinya di bawah pokok pine. Ini telah menyebabkan beliau mati. Cybele membawa pokok pine tersebut ke dalam gua. Sebagai suatu penghormatan kepada beliau, Zeus telah membenarkan rambut dan jarinya hidup, manakala badannya kekal tidak reput. Selain daripada cerita di atas, terdapat pelbagai cerita lain yang menceritakan tentang kematian Attis, hinggakan ada yang menceritakan tentang kematiannya dibunuh oleh seekor babi jantan ataupun *boar*⁹³.

Setiap tahun satu perayaan disambut pada setiap bulan Mac iaitu dari pertengahan Mac hingga 27hb. Mac sebagai mengingati kematian dan

⁹¹ James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 217.

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Ibid.*

kebangkitan semula Attis⁹⁴. Salah satu daripada perkara menarik di dalam perayaan itu ialah masyarakat penyembah Attis mempercayai bahawa bunga kembang pagi atau *violet* terhasil daripada percikan darah Attis⁹⁵. Sepanjang perayaan tersebut ianya juga dipenuhi dengan upacara-upacara keagamaan. Antaranya ialah pada malam 24hb. Mac, mereka mengadakan upacara *blood baptism* dan korban biri-biri. Tujuan diadakan upacara *blood baptism* dan korban adalah sebagai suatu penyucian dan kelahiran semula atau *regeneration* seseorang di dalam pengiktirafannya terhadap Attis⁹⁶. Upacara itu dijalankan oleh seorang ketua paderi. Selain daripada itu pada 25hb. Mac mereka memperingati kebangkitan semula Attis.

Kematian, pengkebumian dan kekalnya jasad Attis merupakan suatu simbol kepada kekalnya tumbuh-tumbuhan pada musim sejuk. Manakala kebangkitan semula Attis adalah sebagai tanda datangnya musim bunga⁹⁷. Di sini penulis melihat bahawa Attis memainkan peranan yang penting di dalam memberi kebahagiaan kepada manusia secara amnya. Ini kerana, Attis terpaksa mengorbankan dirinya untuk menjaga tumbuh-tumbuhan agar tidak musnah pada musim dingin. Beliau juga memberi harapan kepada manusia untuk merasai kedatangan musim bunga. Oleh itu, ia turut dikenali sebagai *tree spirit*. Darahnya

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Ibid.*, hal. 218.

⁹⁷ *Ibid.*

seolah-olah memperbaharui kesuburan bumi dan ianya memberikan penghidupan dan harapan baru kepada manusia.

Cara hidup dan kematian Attis hampir sama keadaannya dengan Jesus Christ. Saat kematian Attis tidak memberi apa-apa makna kepada masyarakat Phrygia. Hanya selepas kematian Attis, masyarakat mula menganggap beliau sebagai penyelamat. Keadaan sedemikian sama halnya dengan Jesus Christ. Kematian Jesus Christ pada awalnya tidak memberi apa-apa makna kepada masyarakat Kristian. Namun, setelah St. Paul menonjolkan bahawa kematian Jesus Christ adalah sebagai penebus dosa manusia, beliau mulai dihormati dan dianggap sebagai yang terpenting dalam kepercayaan agama Kristian.

c. Graeco-Roman

Graeco-Roman merupakan tamadun dan kebudayaan yang wujud di sekitar kawasan Mediterranean. Ianya lebih dikenali sebagai Empayar Rom. Jika dilihat dari segi sejarah, empayar ini wujud sejak abad ke-10SM lagi. Bandar Rom terletak di antara kawasan pergunungan yang melingkungi Sungai Tiber yang berhampiran dengan laut Mediterranean iaitu berhampiran dengan pusat bandar bahagian pantai barat Semenanjung Itali⁹⁸. Kesan-kesan tinggalan sejarah menunjukkan bahawa penempatan awal di Rom dimulakan oleh bangsa Sabine yang menduduki Latium kira-kira 900 tahun sebelum Masehi. Menjelang kurun

⁹⁸ E.O James (1957), *Prehistoric Religion*, hal. 643.

ke-8SM (753SM) ibukota Rom telah diasaskan oleh Romulous⁹⁹ dan pada kurun ke-5SM Rom menjadi terkenal sebagai sebuah pusat keagamaan, ekonomi, politik dan kebudayaan¹⁰⁰.

Perkaitan yang rapat di antara Empayar Rom dan bangsa Yahudi tidak boleh dinafikan lagi. Ini kerana negara Palestine yang diduduki oleh bangsa Yahudi pernah ditawan dan dijajah oleh empayar Rom selama lebih daripada satu abad. Malahan terdapat bangsa Yahudi yang berbudaya dengan budaya bangsa Greek dan Rom, terutamanya di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Greece seperti Tarsus yang merupakan wilayah kelahiran St. Paul.

Bangsa Rom adalah bangsa yang tidak begitu maju di dalam bidang beragama berbanding dengan bangsa Greek yang begitu kaya dengan budaya dan falsafahnya. S.G.F Brandon di dalam *A Dictionary of Comparative Religion* menyatakan bahawa bangsa Rom begitu daif di dalam bidang mitologi berbanding dengan bangsa Greek¹⁰¹. Oleh itu kebanyakan kepercayaan dan Tuhan-tuhan mereka diambil dan diadaptasi daripada kepercayaan-kepercayaan dan Tuhan-tuhan bangsa Greek.

⁹⁹ Penulis tidak menemui tarikh hidup atau mati nama terbabit.

¹⁰⁰ *Ibid*, hal. 191.

¹⁰¹ S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*. London: Weidenfield & Nicolson, hal. 541.

Kenyataan yang diberikan oleh S.G.F Brandon amat bertepatan dengan apa yang dinyatakan oleh H.J. Rose di dalam bukunya *Ancient Roman Religion*, bahawa bangsa Greek adalah bangsa yang gigih, ahli fikir, kaya dengan pengalaman beragama dan falsafah. Keadaan sedemikian membuatkan bangsa Rom mengadaptasi pemikiran-pemikiran yang terdapat di dalam bangsa Greek sehingga dalam bentuk tulisan dan huruf-huruf tulisan Rom diambil daripada Greek¹⁰². Oleh itu tidak hairan Rom sering dikaitkan dengan Greek. Di samping itu, Tuhan-tuhan bagi bangsa Greek dan Rom adalah sama. Walaupun demikian terdapat juga Tuhan-tuhan kedua-dua bangsa ini diambil daripada bangsa-bangsa lain seperti Akkadia, Babylon, Mesir dan Sumeria. Antara Tuhan yang terkenal bagi bangsa Greek dan Rom ialah Dionysus.

Selain daripada Tuhan-tuhan tersebut, terdapat satu bentuk upacara keagamaan yang popular di kalangan bangsa Greek iaitu upacara korban. Upacara tersebut membabitkan pelbagai bahan utama untuk dikorbankan dari binatang ternakan hingga kepada manusia. Tujuan utama dijalankan upacara tersebut adalah untuk menebus dosa dan membersihkan sesuatu kesalahan dan seterusnya membebaskan manusia daripada sesuatu belenggu dosa. Atau dalam ertikata lain ia merupakan *scapegoat*. Dalam upacara korban ini khususnya yang melakukan upacara korban manusia atau *human sacrifice* memperlihatkan konsep yang

¹⁰² H.J. Rose (1948), *Ancient Roman Religion*. London: Hutchinson's University Library, hal. 9-10.

hampir sama dikaitkan dengan doktrin pengorbanan Jesus Christ dan tujuan beliau melakukannya semata-mata membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan yang akan dibahaskan lebih lanjut dalam bab 3. (hal. 251-253).

Menurut bangsa Greek upacara korban manusia dikenali dengan *pharmakos*¹⁰³. Korban sebegini bukanlah bermaksud korban untuk Tuhan-tuhan tertentu tetapi lebih kepada bentuk penyingkiran tubuh ataupun *physical expulsion*. Jane Harrison di dalam bukunya *Prolegomena to the Study of Greek Religion* menyatakan bahawa upacara *human sacrifice* lebih kepada bentuk upacara penyingkiran dan penyucian atau *riddance and purification*¹⁰⁴ dengan menggunakan *pharmakos* yang terdapat pada manusia tersebut sebagai ubat atau *medicine*.

Upacara *pharmakos* hanya dijalankan dalam perayaan Thargelia di Athens. Pada hari ke-6 perayaan Thargelia dua orang lelaki¹⁰⁵ akan dijadikan korban. Salah seorang daripada mereka dikorbankan untuk kaum lelaki manakala seorang lagi adalah untuk kaum wanita. Tujuan mereka dikorbankan adalah

¹⁰³ Perkataan *pharmakos* bolehlah diertikan dengan *magicman*; manakala bagi bangsa Lithuania diertikan dengan *magic*; di dalam bahasa Latin pula diertikan dengan *formula* dan *magical spell*; dan di dalam bahasa Greek pula ianya diertikan dengan *healing drug, poison, and dye, but all, for better for worse and are magical*. Makna yang dikehendaki bagi perkataan *pharmakos* di sini ialah *medicine*. Jane Harrison (1960), *Prolegomena to the Study of Greek Religion*. New York: Meridian Books. Inc., cet. ke-4, hal. 108.

¹⁰⁴ *Ibid*, hal. 109.

¹⁰⁵ Mereka yang dipilih untuk dikorbankan dikenali sebagai *pharmakoi*, *ibid*, hal. 96.

sebagai penyucian kepada bandar melalui aliran darah mereka yang mengalir di bumi seolah-olah menyucikan segala bentuk dosa yang terdapat di bandar tersebut. Selepas daripada itu mayat mereka akan dibakar dengan kayu dan abunya dibuang ke laut¹⁰⁶.

Mereka dijadikan sebagai penebus kepada bandar dan penduduknya melalui penyucian yang dilakukan ataupun *to be atoned for by purification*. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam perenggan terdahulu bahawa apa yang penting melalui upacara tersebut ialah penyingkiran ataupun *expulsion* bukannya kematian. Kematian adalah sebagai suatu cara untuk melakukan penyingkiran. Ini kerana tanpa kematian, penyingkiran tidak akan berlaku dan dengan itu tiadalah penebusan dan penyucian. Atau dengan kata lain *human sacrifice* bukanlah makna yang sebenarnya, tetapi yang dimaksudkan ialah penyucian hasil daripada korban tersebut adalah untuk membuang segala kekotoran atau *impurity* yang telah menimpa negara.

Upacara *pharmakos* ini, jika dihubungkan dengan apa yang diajarkan oleh St. Paul dan apa yang diyakini oleh penganut Kristian adalah rasional kaitannya. Ini kerana kematian Jesus Christ di tiang salib bukan sahaja merupakan suatu penyingkiran terhadap kesalahan yang tidak dilakukan oleh Jesus Christ tetapi

¹⁰⁶ Martin P. Nilsson (1949), *A History of Greek Religion*. London: Oxford At The Clarendon Press, cet. ke-2, hal. 87.

juga lebih merupakan suatu penebusan dosa warisan akibat perbuatan Adam dan Eve yang terpaksa ditanggung oleh umat manusia. Melalui pensaliban Jesus Christ, manusia bebas daripada kesalahan dan dosa yang telah dilakukan oleh Adam dan Eve. Oleh itu, manusia menjadi suci semula daripada dosa warisan dan Jesus Christ telah menjadi *to be atoned for by purification* ataupun *purification becomes atonement*. Apa yang berbeza di sini ialah perkara yang disucikan yang memperlihatkan bangsa Greek lebih tertumpu kepada bandar sebagai tempat yang berdosa akibat kesalahan manusia. Manakala agama Kristian lebih tertumpu kepada manusia sendiri yang terpaksa menanggung dosa akibat perbuatan orang lain iaitu Adam dan Eve. Justeru, perkaitan antara kedua-dua praktikal tersebut adalah tampak jelas bahawa perkara utama yang ditebus dan disucikan adalah sesuatu yang telah kotor; sama ada kotor itu bermaksud dosa ataupun kejahatan. Apa yang utama ialah tujuan praktikal itu untuk memperlihatkan suatu bentuk penyelamatan kepada manusia sejagat daripada terus dibelenggu dengan dosa dan kejahatan.

Bangsa Greek turut mempercayai penumpahan darah adalah perlu untuk membersihkan diri pembunuh dan menebus dosa terhadap perbuatan bunuh yang telah dilakukan. Seseorang yang didapati menjadi pembunuh akan dikorbankan dengan darahnya menjadi pengganti kepada orang yang dibunuh ataupun boleh dikatakan sebagai "hutang darah dibayar dengan darah". Secara ritualnya darah yang dialirkan daripada pembunuh tersebut adalah untuk roh orang yang telah

dibunuhnya dan kesengsaraan yang dialami akibat daripada hukuman tersebut adalah untuk kepuasan roh si mati¹⁰⁷. Keyakinan ini bersesuaian dengan kepercayaan dan tuntutan falsafah yang dianuti oleh bangsa Greek yang pasti jauh berbeza dengan kepercayaan yang lain.

i. Dionysus

Dionysus merupakan anak Zeus dengan Semele. Dionysus bagi orang-orang Greek digelar dengan *Dios vusos* yang bererti *Son of Zeus*¹⁰⁸. Menurut Walter Burkert di dalam bukunya *Greek Religion*, istilah yang digunakan untuk gelaran Dionysus sebagai *Son of Zeus* ialah *Dios Dionysos*¹⁰⁹. Hasil daripada kajian sejarah menunjukkan Dionysus bukan merupakan Tuhan asal Greek. Tempat asalnya ialah Thrace¹¹⁰ yang terletak di utara Greece. Ada juga yang menyatakan bahawa Dionysus adalah Tuhan bagi bangsa Phrygia.

Terdapat banyak perkataan yang bukan berasal daripada bahasa Greek yang digunakan untuk Dionysus, antaranya¹¹¹ *Bacchus*, *thyrsos*, tongkat sakti suci

¹⁰⁷ Erwin Rohde (1925), *Psyche, : The Cult of Souls and Belief in Immortality among the Greeks*. New York: Harcourt, Brace & Company, Inc., hal. 178.

¹⁰⁸ S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*, hal. 240.

¹⁰⁹ Walter Burkert (1985), *Greek Religion*. Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, hal. 162.

¹¹⁰ Erwin Rohde (1925), *Psyche*, hal. 256.

¹¹¹ Loc.cit, *Greek Religion*, hal. 163.

atau *the sacred wand* dan *thriambos* atau *dithyramb and dithyrambos*¹¹². Gelaran-gelaran sebegini sebagaimana yang dinyatakan oleh Walter Burkert adalah bukan daripada bahasa Greek¹¹³. Selain daripada itu, terdapat beberapa nama yang merujuk kepada Dionysus, antaranya¹¹⁴ *Bacchos*, *Baccheus*, *Iacchos*, *Bassareus*, *Bromios*, *Euios*, *Sabazios*, *Zagreus*, *Thyoneus*, *Lenaios* dan *Eleuthereus*. Nama-nama tersebut digunakan berdasarkan bangsa yang menyembah Dionysus seperti nama Dionysus yang disebut Sabazios oleh bangsa Thracia dan Phrygia, Zagreus oleh bangsa Crete, Bromios oleh bangsa Thebe dan Iacchos oleh bangsa Athen. Berdasarkan riwayat hidupnya yang pelbagai, Jane Harrison telah menyatakan bahawa Dionysus adalah "*the old spirit of life and generation and the new spirit of intoxication*"¹¹⁵.

Terdapat beberapa perayaan yang dikaitkan dengan Dionysus iaitu *Anthesteria*, *Lenaia* dan *Agrionia*. Di antara perayaan-perayaan tersebut, perayaan *Anthesteria* lebih merujuk kepada persoalan penebusan dan penyelamatan manusia. Perayaan ini disambut di kawasan sekitar Ionic-Attic dan disambut oleh kaum wanita. Salah satu daripada upacaranya ialah upacara korban yang menonjolkan pembebasan dosa manusia melalui pengorbanan haiwan atau juga

¹¹² *Thriambos and dithyrambos* bererti "kelahirannya yang ajaib atau *he of the miraculous birth*". Jane Harrison (1960), *Prolegomena to the study of Greek Religion*, hal. 436-437. Untuk keterangan lebih lanjut bolehlah dirujuk buku tersebut dari halaman 436-441.

¹¹³ Walter Burkert (1985), *Greek Religion*, hal. 163.

¹¹⁴ *Loc.cit*, *Prolegomena to the Study of Greek Religion*, hal. 413.

¹¹⁵ *Ibid*, hal. 441.

manusia. Aliran darah daripada mangsa korban bermaksud penyucian dosa. Perayaan ini mengingatkan mereka tentang peranan Dionysus terhadap arak yang disifatkan sebagai darah yang menyucikan dosa manusia. Menurut mitos, beberapa orang hamba abdi telah membunuh seorang hamba iaitu Ikarios kerana didakwa telah meracuni mereka. Ikarios pula telah diajar oleh Dionysus cara-cara menanam anggur dan menghasilkan air perahan anggur atau arak yang menjadi simbol kepada darah¹¹⁶ sebagai penebusan dosa. Perayaan *Lenaia* pula adalah merupakan perayaan yang hampir sama dengan *Anthesteria* iaitu lebih kepada upacara meminum arak atau *wine*¹¹⁷. Manakala perayaan *Agrionia* merupakan perayaan pembubaran atau *dissolution*¹¹⁸ dan penunggangan atau penunggingan atau *inversion* dengan keadaan kaum wanita seperti di dalam keadaan tidak sedarkan diri dan juga berimajinasi sebagai seorang yang *cannibal*¹¹⁹.

Khwaja Kamaluddin menjelaskan dalam *The Source of Christianity* bahawa Dionysus telah diutus ke bumi untuk menyelamatkan manusia daripada kejahanatan yang semakin berleluasa. Beliau juga merupakan seorang pengembara dan memperkenalkan arak sebagai simbol penyucian kepada manusia. Selain

¹¹⁶ Walter Burkert (1985), *Greek Religion*, hal. 164.

¹¹⁷ *Ibid*

¹¹⁸ Penulis tidak dapat menjumpai apakah yang dimaksudkan dengan pembubaran ataupun *dissolution* tersebut.

¹¹⁹ Walter Burkert (1985), *Greek Religion*, hal

daripada itu, beliau juga digelar sebagai *The Slain One, Saviour and Redeemer* dan *The Sin Bearer*¹²⁰.

2. Agama Yahudi

Sebelum kajian ini menyentuh dengan lebih jauh tentang agama Yahudi, terlebih dahulu akan disentuh serba sedikit latar belakang tempat agama ini bertapak iaitu di bumi Palestine. Negara yang dikenali sebagai bumi para nabi ini dikatakan mula diduduki seawal 100 ribu tahun dahulu lagi ataupun dikenali dengan zaman *Last Interplural Age*¹²¹. Bukti penempatan awal ini dapat dilihat daripada kesan-kesan artifak yang terdapat di sekitar Baitullaham ataupun Umm Qatafa. Menurut E.A Speiser di dalam bukunya *The World History of the Jewish People: At the Dawn of Civilization*, kesan-kesan artifak tersebut adalah dipercayai berusia lebih daripada 100 ribu tahun iaitu seawal Zaman Ais Ketiga¹²². Sejarah perkembangan negara Palestine dipengaruhi oleh pelbagai bangsa. Ianya pernah diduduki oleh bangsa Cananite, Hittite, Amorite, Greek dan Mesir. Oleh kerana Palestine pernah diduduki oleh pelbagai bangsa, maka ianya telah diberi dengan pelbagai gelaran. Bangsa Sumeria menggelarnya sebagai *Kur Martu-Ki* yang bererti *land of the west* atau Tanah Barat; orang-orang Akkadia pula menggelarnya sebagai *Mat Amuru* yang bererti *Land of the Amorites* atau

¹²⁰ Khwaja Kamaluddin (1925), *The Sources of Christianity*, hal. 107.

¹²¹ E.A. Speiser (1964), *The World History of the Jewish People: At the Dawn of Civilization*. Israel: Rutgers University Press, jilid 1, hal. 68.

¹²² *Ibid*,

Tanah Orang-orang Amorite; manakala orang-orang Mesir pernah menggelarnya dengan *Haru* kerana bangsa Hurria pernah menetap di Palestine¹²³. Selain daripada bangsa-bangsa tersebut, bangsa Yahudi merupakan bangsa yang dominan memainkan peranan di dalam membentuk negara Palestine. Ini kerana bangsa Yahudi mempercayai bumi Palestine adalah bumi yang dijanjikan oleh Tuhan kepada mereka yang merupakan bangsa pilihan Tuhan¹²⁴. Kenyataan bangsa Yahudi sebagai bangsa pilihan amat jelas di dalam kitab mereka sebagaimana yang dinukilkhan di dalam *Deuteronomy 7:6-8*:

"For you are a people holy to the Lord your God. The Lord your God has chosen you out of all the peoples on the face of the earth to be his people, his treasured possession. The Lord did not set his affection on you and choose you because you were more numerous than other peoples, for you were the fewest of all peoples. But it was because the Lord loved you and kept the oath he swore to your forefathers that he brought you out with a mighty hand and redeemed you from the land of slavery, from the power of Pharaoh king of Egypt."

Penempatan awal bangsa Yahudi di Palestine dikatakan bermula sejak Zaman Gangsa lagi¹²⁵. Pada ketika itu, mereka hanya mendiami kawasan-kawasan pinggir bumi Palestine di dalam komuniti yang kecil. Bangsa Yahudi dikatakan mula memasuki Palestine dan melakukan penaklukan ketika mereka

¹²³ *Ibid.*

¹²⁴ Penjelasan lanjut mengenai konsep bangsa pilihan tuhan boleh dilihat di dalam buku Ismail Abdul Rahman (1989), *Konsep dan Kedudukan Bangsa Pilihan Menurut Agama Islam dan Agama Yahudi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, di bawah tajuk "Yahudi Menganggap Mereka Bangsa Pilihan Tuhan", hal. 38-44.

¹²⁵ Martin Noth (1958), *The History of Israel*. London: Adam & Charles Black, edisi ke-2, hal. 68.

dipimpin oleh Joshua¹²⁶. Bangsa Yahudi telah berjaya menegakkan kewujudan mereka sebagai satu bangsa ketika mereka di bawah pimpinan nabi Ibrahim kira-kira pada tahun 2000SM¹²⁷. Manakala bumi Palestine pada ketika itu didominasi oleh bangsa Kan'an. Berdasarkan *The Old Testament* dan catatan-catatan sejarah menceritakan bahawa orang-orang Yahudi mula berminat terhadap Palestine selepas mereka diselamatkan oleh nabi Musa daripada kezaliman raja Mesir. Ini kerana bumi Palestine dikatakan telah dijanjikan oleh Tuhan kepada mereka¹²⁸. Namun demikian usaha mereka untuk menduduki Palestine hanya berjaya sepenuhnya di bawah pemerintahan raja mereka iaitu nabi Daud ^{c.a.s}¹²⁹.

Oleh itu, kajian ini melihat bahawa sejarah perjuangan bangsa Yahudi dan bumi Palestine sebagaimana yang sering ditonjolkan oleh bangsa Yahudi adalah berbeza dengan bangsa-bangsa lain yang sezaman dengan mereka. Ini kerana sejarah mereka begitu dipengaruhi dengan unsur-unsur keagamaan berbanding dengan unsur-unsur politik. Bukti yang nyata yang dapat dilihat ialah ramai dari kalangan pemimpin dan raja mereka adalah nabi dan rasul seperti nabi Ibrahim

¹²⁶ John W. Drane (1986), *The Old Testament Story*. England: Lion Publishing, hal. 54. Lihat juga keseluruhan *The Old Testament (Joshua)* terutamanya *The Old Testament (Joshua 13:1-7)*.

¹²⁷ Ismail Abdul Rahman (1989), *Konsep dan Kedudukan Bangsa Pilihan*, hal. 6.

¹²⁸ Sejarah mengenai penawanan Palestin oleh bangsa Yahudi boleh dilihat di dalam *The Old Testament (Numbers 14:40-45 & 32:39-42)*, (*Joshua 10:36-39, 13:8 & 15:13-19*), (*Judges 1:10-16*) dan (*Deuteronomy 1:44*).

¹²⁹ H.H. Ben-Sasson (1976), *A History of the Jewish People*. London: Weidenfeld and Nicolson, hal. 49.

^ca.s, Yusuf ^ca.s, Musa ^ca.s, Joshua ^ca.s, Saul ^ca.s, Daud ^ca.s dan Sulaiman ^ca.s¹³⁰. Hanya Saul sahaja yang bukan merupakan golongan rasul di antara mereka. Nabi Sulaiman ^ca.s pula adalah raja paling terkenal di kalangan bangsa Yahudi dan zaman pemerintahannya merupakan kemuncak keagungan bangsa Yahudi. Pada masa yang sama nabi Sulaiman ^ca.s telah membina rumah ibadat yang pertama di bandar Jerusalem¹³¹. Selepas kewafatan nabi Sulaiman ^ca.s, iaitu ketika pemerintahan anaknya Rehoboam, negara Yahudi mula berpecah kepada negara-negara kecil¹³² dan akhirnya zaman keemasan pemerintahan bangsa Yahudi sebagai sebuah negara yang bersatu dan kukuh mula luntur dan lemah.

Usaha bangsa Yahudi untuk menduduki Palestine pula dipercayai adalah berdasarkan wasiat agama mereka. Pendapat ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Winifred Needler di dalam bukunya *Palestine: Ancient and Modern*, bahawa kebangkitan bangsa Yahudi adalah berdasarkan kepada kesedaran agama berbanding daripada kesatuan politik yang menyaksikan Jerusalem sebagai pusat kerohanian mereka¹³³. Walaupun bentuk kehidupan mereka berorientasikan agama, namun mereka tidak dapat lari daripada menerima pengaruh daripada bangsa lain. Selain daripada budaya *Hellenistic*, Palestine juga

¹³⁰ John W. Drane (1986), *The Old Testament Story*, hal. 71-87 dan Ismail Abdul Rahman (1989), *Konsep dan Kedudukan Bangsa Pilihan*, hal. 42.

¹³¹ *Ibid.*

¹³² John W. Drane (1986), *The Old Testament Story*, hal. 87.

¹³³ Winifred Needler (1949), *Palestine: Ancient and Modern*. Toronto: Royal Ontario Museum of Archaeology, hal. 33.

pernah menerima pengaruh budaya bangsa Syria yang dipercayai masuk ke dalam negara Palestine sejak 2500SM-2000SM lagi. Ini berdasarkan kepada bukti-bukti penggunaan besi dan barang-barang tembikar di sana¹³⁴.

Namun demikian, R. Garaudy di dalam bukunya *Zionis Sebuah Gerakan Keagamaan & Politik* dengan lantang menolak pandangan yang menyatakan bahawa bumi Palestine adalah untuk bangsa Yahudi. Ini kerana beliau melihat bangsa Yahudi tidak mempunyai hak yang mutlak ke atas bumi Palestine dan mereka tidak boleh menuntutnya walaupun atas alasan agama mahupun sejarah. Negara yang dibentuk oleh bangsa Yahudi yang pernah diketuai oleh Daud, Sulaiman dan ramai lagi adalah merupakan negara multinasional ataupun pelbagai bangsa dengan angota masyarakatnya terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Kan'an dan Palestine. R. Garaudy menyatakan bahawa jika hendak dilihat kepada fakta-fakta sejarah bangsa Palestine adalah bangsa yang paling layak menuntut bumi Palestine kerana mereka lahir di bumi tersebut¹³⁵.

Selain daripada agama Yahudi, bumi Palestine juga merupakan tempat lahirnya agama Kristian. Justeru, di dalam membincangkan perkara-perkara asas

¹³⁴ P.S.P Handcock (1916), *The Archaeology of the Holy Land*. London: T. Fisher Unwin, Ltd., hal. 22.

¹³⁵ Keterangan lanjut boleh diperolehi daripada buku R. Garaudy (1988), *Zionis Sebuah Gerakan Keagamaan & Politik* (diterjemahkan oleh Moelia Radja Siregar daripada bahasa Inggeris dengan tajuk asalnya *The Case of Israel*). Jakarta: Gema Insani Press, di bawah tajuk "Hikayat Historis" hal. 67-178.

agama Kristian, tidak dapat lari daripada membincangkan tentang Agama Yahudi. Ini kerana kedua-duanya mempunyai kaitan yang rapat. Selain ianya diasaskan oleh orang Yahudi dan disebarluaskan di kalangan bangsa mereka, agama Kristian juga mengiktiraf kitab Taurat sebagai salah satu daripada kitab yang wajib dipercayai dan terkandung di dalam kitab yang dikenali dengan *Old Testament*. Oleh itu, pengikut agama Kristian tidak dapat lari daripada mengambil dan mempercayai apa-apa yang terdapat di dalam *Old Testament* yang dipercayai sebagai latarbelakang sejarah kehidupan bangsa Yahudi. Justeru, agama Yahudi dan agama Kristian sering beriringan dan berkaitan antara satu sama lain. F. Hugh Capron di dalam bukunya *The Anatomy of Truth* di dalam komentarnya mengenai agama Yahudi dan Kristian menyatakan bahawa agama Yahudi adalah agama semasa di dunia; Kristian pula adalah agama untuk alam lain, Yahudi adalah agama *nature*; Kristian pula adalah agama *supernatural*, Yahudi adalah agama yang ada tempoh masa, Kristian pula adalah agama yang kekal¹³⁶.

Agama Yahudi yang dikenali juga dengan *Judaism* adalah sinonim dengan nabi Musa °a.s. Sejarah mengenai baginda memang terkenal di dalam ketiga-tiga agama langit iaitu Yahudi, Kristian dan Islam. Baginda merupakan orang yang bertanggungjawab membebaskan bangsa Yahudi daripada belenggu perhambaan di Mesir dan membawa bani Israel atau bangsa Yahudi keluar daripada bumi

¹³⁶ F. Hugh Capron (t.t), *The Anatomy of Truth*. London: Hodder and Stoughton Limited, edisi ke-6, hal. 208.

Mesir dan mencari sebuah penempatan baru yang dikatakan telah dijanjikan oleh Tuhan kepada mereka iaitu bumi Palestine. Nabi Musa juga merupakan nabi yang memperkenalkan undang-undang dan peraturan bagi bangsa Yahudi berdasarkan apa yang diarahkan oleh Allah s.w.t. Kesemuanya terkandung di dalam kitab Taurat yang Allah s.w.t turunkan kepada nabi Musa ^{a.s} khusus untuk bangsa Yahudi.

Di dalam *Old Testament* tidak ada kenyataan yang secara jelas menyatakan tentang wujudnya doktrin dosa warisan. Tambahan pula dari segi teologinya ajaran sedemikian tidak wujud langsung¹³⁷. Di dalam agama Yahudi, dosa merupakan salah laku yang dibuat atas kehendak sendiri dan naluri kejahatan yang terdapat di dalam diri manusia. Ianya lebih merujuk kepada suatu bentuk perbuatan yang melanggar undang-undang ataupun merupakan suatu kegagalan untuk mengikuti ajaran Taurat¹³⁸. Justeru, orang yang berdosa secara moralnya adalah bertanggungjawab terhadap Tuhan tidak kira sama ada dosa yang dilakukannya kepada Tuhan ataupun sesama manusia¹³⁹.

Agama Yahudi mempercayai manusia mewarisi perlakuan kepada dosa kerana kesalahan pertama yang dilakukan oleh Adam dan Eve di dalam Eden.

¹³⁷ R.J. Werblowsky & Geogry Wigoder (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*, hal. 361.

¹³⁸ Geoffrey Wigoder (1989), *The Encyclopedia of Judaism*. New York: Macmillan Publishing Company, hal. 658.

¹³⁹ *Ibid.*

Akibat daripada itu, semua manusia tidak dapat lari daripada melakukan dosa. Ini kerana kecenderungan manusia untuk melakukan dosa telah diwarisi daripada perbuatan Adam¹⁴⁰ semasa di syurga. Ini adalah berbeza dengan apa yang diyakini dan difahami oleh agama Kristian. Agama Kristian melihat perbuatan Adam dan Eve telah mengakibatkan semua manusia mewarisi dosa tersebut akibat daripada perbuatan mereka berdua. Dosa warisan yang dimaksudkan di dalam agama Yahudi ialah kecenderungan melakukan dosa dan perlakuan ke arah dosa itu sendiri yang diwarisi daripada Adam¹⁴¹ bukannya dosa yang dilakukan oleh Adam itu yang diwarisi oleh manusia. Ini bermakna menurut agama Yahudi, manusia tidak menanggung perbuatan dosa yang dilakukan oleh orang lain. Justeru, ia amat berbeza dengan apa yang dipercayai oleh masyarakat Kristian yang bukan sahaja melihat manusia mewarisi daripada Adam sifat kecenderungan melakukan kejahanan, malahan menganggap dosa yang dilakukan oleh Adam semasa di syurga juga diwarisi oleh sekalian manusia. Ini bermakna manusia terpaksa menanggung dosa yang tidak dilakukannya.

Di dalam agama Yahudi juga dosa itu lebih bersifat moral daripada bersifat teologi. Ini berbeza dengan agama Kristian yang melihat dosa itu adalah suatu yang lebih bersifat teologi berbanding moral. Justeru, hampir tidak ada langsung perbincangan tentang dosa warisan di dalam agama Yahudi ataupun

¹⁴⁰ James Hastings (1920), *Encyclopedia of Religion and Ethics*, jilid 11, hal. 558.

¹⁴¹ *Ibid.*

perbezaan hakikat manusia di antara sebelum dan selepas Adam melakukan dosa. Oleh itu di dalam agama Yahudi, dosa yang dilakukan oleh Adam tidak mempunyai kesan ke atas keturunannya dan mereka menolak bahawa manusia itu berdosa adalah merupakan warisan daripada dosa pertama Adam¹⁴². Cuma dinyatakan bahawa kesan daripada dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve telah menyebabkan manusia tidak akan kekal¹⁴³. Setiap anak tidak akan dihukum kerana dosa kedua orang tuanya. Di dalam agama Yahudi mengajarkan bahawa setiap dosa itu adalah tanggungjawab si pelakunya. Ini didasarkan kepada bukti daripada *The Old Testament (Deuteronomy 24:16)* dan (*Ezekiel 18:11*).

Walaupun demikian adalah difahami bahawa doktrin dosa warisan di dalam agama Kristian diambil dan diadaptasi daripada kenyataan-kenyataan *The Old Testament* khususnya dalam *Genesis* yang jelas memperkatakan tentang kesalahan pertama yang dilakukan oleh Adam semasa berada di Eden. Peristiwa tersebut akhirnya diambil oleh agama Kristian sebagai alasan wujudnya dosa warisan di dunia ini. Namun demikian sebagaimana yang telah dinyatakan pentafsiran mengenai dosa warisan berbeza daripada apa yang dikehendaki oleh agama Yahudi. Persamaan yang wujud hanyalah apabila ianya disandarkan kepada Adam dan Eve sebagai pelaku dosa.

¹⁴² Geoffrey Wigoder (1989), *The Encyclopedia of Judaism*, hal. 659.

¹⁴³ R.J. Werblowsky & Geogry Wigoder (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*, hal. 141.

Proses untuk menebus dosa di dalam agama Yahudi juga berbeza dengan apa yang dipercayai oleh penganut Kristian. Oleh kerana pengertian dosa warisan di dalam agama Yahudi tidak meletakkan seseorang itu menanggung dosa yang tidak dilakukannya, maka dosa itu lebih berbentuk individu bukannya sejagat. Berbeza dengan apa yang terdapat di dalam agama Kristian, dosa warisan merupakan suatu perkara yang berbentuk sejagat. Oleh itu, iaanya memerlukan seseorang yang sanggup untuk menghapuskannya demi untuk kebaikan semua manusia.

Namun demikian di dalam agama Yahudi terdapat suatu upacara penebusan dosa yang menonjolkan darah diperlukan sebagai menghapuskan dosa manusia (walaupun dosa yang dimaksudkan bukannya dosa warisan). Hari tersebut dikenali sebagai *Day of Atonement*¹⁴⁴ yang dilakukan pada hari yang ke-10 dari bulan yang ke-7 atau *Tishri*¹⁴⁵. Antara tujuan utamanya ialah penyucian dosa untuk bangsa Yahudi. Untuk tujuan tersebut, seorang ketua pendita Yahudi akan membuat sebenar-benar pengakuan tentang dosa bangsa Yahudi melalui seekor kambing yang diperuntukkan kepada Azazel¹⁴⁶. Namun tiada pengaliran

¹⁴⁴ Di dalam bahasa Hebrew *Day of Atonement* disebut *Yom Kippur*. Ninian Smart & Richard D. Hecht (1983), *Sacred Texts of the World*, hal. 67.

¹⁴⁵ S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*, hal 114. Perkara mengenai *Day of Atonement* pula ada dinyatakan di dalam *The Old Testament*. Sila lihat (*Leviticus 16:1-34*), (*Numbers 29:7-11*) dan (*Exodus 30:10*).

¹⁴⁶ Di dalam Islam, Azazel merupakan syaitan yang enggan tunduk sujud kepada Adam selepas Adam diciptakan oleh Allah s.w.t. Bangsa Yahudi juga mempercayai akan kewujudan Azazel. Egerton Sykes (1961), *Dictionary of Non-Classical Mythology*, hal. 23. Namun Azazel yang dikehendaki di dalam perbahasan di atas ialah sebuah tempat untuk menghantar korban. R.J. Werblowsky & Geography Wigoder (1967), *The Encyclopedia of the Jewish Religion*, hal. 52.

darah dilakukan. Upacara ini merupakan bahagian kedua daripada dua bahagian upacara yang terkandung pada hari tersebut. Pada bahagian pertama upacara perayaan, seekor lembu dan kambing akan dikorbankan sebagai penyucian kepada Ark¹⁴⁷ dengan merenjis darah binatang korban dan membakar *incense*¹⁴⁸.

Melalui upacara korban binatang tersebut, memperlihatkan bahawa ianya merupakan suatu upacara keagamaan ataupun *sacrificial ritual*. Nyawa mangsa dicabut melalui gambaran pertumpahan darah. Tujuannya adalah untuk membersihkan dosa dan juga sebagai salah satu cara untuk berdamai dengan Tuhan atau Yahweh¹⁴⁹. Selain daripada itu, upacara tersebut juga diwakili oleh seseorang yang lazimnya terdiri daripada ketua pendita Yahudi untuk melaksanakan praktikal tersebut khususnya ketika meminta ampun dan menebus dosa manusia. Praktikal yang hampir sama kaitannya dengan diri Jesus Christ

¹⁴⁷ Dikenali juga dengan *covenant of Lord*. Merupakan sebuah bekas yang diperbuat daripada kayu yang dibaluti dengan emas. Ia juga dianggap sebagai tempat singgahsana bagi tuhan Yahweh oleh bangsa Yahudi semasa mereka menjadi kaum nomad. *Ark* dianggap suci oleh masyarakat Yahudi dan diletakkan di dalam rumah ibadat mereka. *Ark* juga merupakan tempat menyimpan lampiran-lampiran peraturan-peraturan yang diwahyukan oleh Yahweh kepada nabi Musa. Dipercayai hilang semasa pemusnahan Jerusalem oleh Babylon pada tahun 587SM. S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*, hal. 115 dan J.D Douglas (1965), *The New Bible Dictionary*, hal. 82.

¹⁴⁸ *Incense* merupakan butiran-butiran damar yang kadangkala dicampur dengan rempah ratus yang dibakar dan menghasilkan bau yang harum. *Incense* biasa digunakan di dalam upacara keagamaan. *Incense* di dalam Bahasa Malaysia disebut sebagai setangi, kemenyan, gaharu dan dupa. Lihat Heinrich Der Glichezaer-Izvolsky (1970), *Chamber's Encyclopaedia. New Revised Edition*. London: International Learning Systems Corporation Limited., jil. 7, hal. 405-406 dan (1969), *Encyclopaedia Britannica*. U.S.A: Encyclopaedia Britannica, Inc., jil. 12, hal. 14. Untuk pengertian *incense* di dalam Bahasa Malaysia sila lihat Dewan Bahasa & Pustakan (1991), *Kamus Inggeris Melayu Dewan. An English-Malay Dictionary*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hal. 745.Khalid M. Hussain

¹⁴⁹ S.G.F Brandon (1970), *A Dictionary of Comparative Religion*, hal. 114.

yang menjadi wakil manusia untuk dipertanggungjawabkan bagi menebus dosa warisan melalui pengorbanan diri di tiang salib dan mengalirkan darahnya supaya dosa manusia diampunkan oleh Tuhan. Hanya terdapat perbezaan peranan sahaja di antara ketua pendita Yahudi yang semata-mata sebagai pemimpin pelaksana praktikal. Manakala Jesus Christ bukan sahaja sebagai pemimpin tetapi turut sebagai pelaksana kepada praktikal pengorbanan.

Selain daripada itu, di dalam sepanjang sejarah perkembangan bangsa Yahudi terdapat suatu peristiwa yang memperlihatkan Bani Israel atau bangsa Yahudi diminta supaya membunuh diri sebagai salah satu cara untuk bertaubat dan mendapatkan keampunan daripada Yahweh. Hal ini dapat dilihat ketika nabi Musa ^{a.s.} bermunajat dengan Allah s.w.t di Bukit Sinai. Salah seorang daripada pengikutnya telah membuat sebuah berhala anak lembu emas dan meminta pengikut nabi Musa ^{a.s.} menyembahnya sepanjang ketiadaan nabi Musa ^{a.s.}. Apabila nabi Musa ^{a.s.} mengetahuinya, baginda murka dan akhirnya meminta orang yang telah menyembah berhala supaya membunuh diri sebagai suatu taubat daripada dosa mereka kepada Yahweh ataupun Allah s.w.t. Menurut Abraham I. Katsh di dalam bukunya *Judaism in Islam*, hanya kaum Levi sahaja yang tidak menyembah berhala tersebut dan mereka telah diarahkan supaya membunuh orang-orang yang telah berdosa kerana menyembah berhala¹⁵⁰. Peristiwa tersebut juga ada dinukilkan di dalam kitab Taurat, malahan al-Qur'an juga ada

¹⁵⁰ Abraham I. Katsh (1954), *Judaism in Islam*. New York: New York University Press, hal. 52.

menceritakan tentang peristiwa tersebut¹⁵¹. Namun kajian mendapati bahawa suasana peristiwa tersebut adalah berbentuk individu. Oleh kerana yang melakukan kesalahan tersebut adalah individu tersendiri, maka hukuman bunuh yang dikenakan adalah ke atas individu tersebut dan ianya tiada kaitan dengan orang lain sebagai cara untuk menebus dosa masing-masing. Walaupun cara menebus dosa tersebut seolah-olah kelihatan hampir sama dengan cara menebus dosa warisan di dalam agama Kristian, tetapi ianya tetap berbeza sama sekali. Ini kerana dosa ini adalah lebih berbentuk individu dan hukuman yang dikenakan adalah ke atas orang yang melakukan dosa tersebut. Di dalam agama Kristian pula orang lain yang melakukan dosa tetapi orang lain yang terpaksa menebusnya bagi pihak orang tersebut sebagai suatu cara untuk melepaskan manusia daripada bebanan dosa warisan.

D. KESIMPULAN

Kesimpulan dan analisis yang dapat diberikan berdasarkan kepada perbahasan di atas ialah doktrin dosa warisan agama Kristian ini mempunyai kaitan rapat dengan kepercayaan-kepercayaan dan amalan agama-agama Pagan dan Yahudi yang berkaitan dengan *Atonement*, *Salvation*, *Purification*, *Crucifixion* dan *Saviour (Messiah)*. Walaupun demikian, kajian mendapati konsep dosa warisan tidak wujud di dalam agama Pagan. Apa yang terdapat dalam agama tersebut hanyalah unsur-unsur kepada kelahiran penyelamat,

¹⁵¹ Lihat al-Qur'an (*Al-Baqarah* 2: 48-51) dan *The Old Testament (Exodus 32)*.

penebusan dosa untuk kebaikan manusia melalui kebangkitan semula dan upacara korban untuk penyucian. Manakala dalam agama Yahudi pula menjelaskan bahawa dosa warisan tidak ada kaitannya dengan perbuatan Adam dan Eve. Hanya hasil daripada kesan kepada melakukan kesalahan yang pernah dilakukan oleh mereka berdua manusia tidak mungkin dapat lari daripada melakukan kesalahan. Beberapa upacara korban sebagai perakuan dosa bangsa Yahudi juga berbeza daripada perlaksanaan ke arah doktrin dosa warisan. Walaupun begitu, unsur-unsur tersebut yang terdapat dalam agama-agama Pagan dan agama Yahudi inilah yang sebenarnya digarap dan diadun serta disesuaikan oleh St. Paul untuk meletakkannya sebagai asas kepada doktrin dosa warisan dalam agama Kristian dan dihubungkaitkan dengan Jesus Christ yang disesuaikan dengan tuntutan dan falsafah agama Kristian. Ini bererti konsep dosa warisan agama Kristian adalah tersendiri dan sekaligus berbeza dengan agama Pagan dan agama Yahudi. Ini kerana elemen-elemen penebusan yang terdapat di dalam agama Pagan dan agama Yahudi adalah berbeza dengan apa yang terdapat dalam agama Kristian kini.

Walaupun terdapat persamaan dalam unsur-unsur penebusan dosa warisan agama Kristian dengan soal-soal penyelamat, penebusan, hidup kekal seperti ajaran-ajaran agama Pagan, ia adalah tetap berbeza. Namun begitu, tidak dinafikan falsafah kepercayaan agama Pagan atau kuno dan falsafah agama Yahudi adalah penyumbang ke arah peletakan asas doktrin dosa warisan oleh St. Paul dan dipanjangkan pula oleh St. Augustine dengan merealisasikan doktrin

tersebut ke dalam agama Kristian. Ini kerana St. Paul adalah seorang yang bijak mentafsirkan falsafah agama-agama terdahulu dan begitu juga St. Augustine yang juga merupakan seorang ahli falsafah. Tambahan pula persekitaran budaya beragama yang dikuasai oleh Rom dan Parsi yang diwarnai oleh agama Pagan telah mempengaruhi pemikiran-pemikiran cerdik pandai Yahudi termasuklah St. Paul.

Berasaskan kenyataan tersebut, kajian turut mendapati bahawa perkara asas berkenaan dosa warisan iaitu dari segi asal usulnya telah turut diambil daripada kitab bangsa Yahudi dan elemen-elemen yang berkaitan dengan dosa warisan pula di ambil daripada agama Pagan. Justeru, ianya menjadi perkara asas untuk menunjukkan bahawa Jesus Christ yang merupakan anak Tuhan telah diutus ke dunia ini sebagai *Messiah*. Oleh itu beliau semestinya mati dengan mengalami penderitaan di tiang salib untuk menebus dosa warisan. Beliau juga akan bangkit semula dan bersemayam di sebelah kanan Tuhan Bapa.

Pada prinsipnya, keadaaan ini adalah sama seperti yang terdapat di dalam agama Pagan. Seorang manusia yang baik dan terpilih telah diangkat ke darjah ketuhanan akibat daripada pengorbanan yang dilakukannya untuk kebaikan manusia lain. Ia juga dikatakan sebagai penjelmaan daripada Tuhan ataupun menjadi anak Tuhan yang akhirnya memerintah manusia. Istilah yang biasanya digunakan untuk menggambarkan situasi tersebut ialah *The Dying-God, The*

Dead-Rising God dan *God Sacrifies for Human Goodness*. Apa yang berbeza hanya jalan ceritanya sahaja. Dalam agama Kristian, *The Dying-God* yang dimaksudkan ialah Jesus Christ. Beliau mati kerana menebus dosa warisan. Manakala di dalam agama Mesir kuno *The Dying-God* yang dimaksudkan ialah Osiris untuk membolehkan manusia mengetahui cara-cara melakukan upacara pengkbumian. Unsur-unsur penebusan, penyelamat dan penyucian yang terdapat dalam agama Pagan yang lain turut memperlihatkan perkaitan yang rapat. Sebagai contoh, dalam agama Pagan, penyelamat-penyelamat ini digambarkan mati akibat dikhianati orang yang dipercayai oleh mereka. Jesus Christ juga mati akibat di khianati oleh Judas Iscariot iaitu pembantu beliau. Kematian penyelamat manusia ini seolah-olah ditakdirkan sedemikian untuk mencapai tujuan sebagai penebus dan penyuci dosa demi kebaikan manusia lain.

Selain daripada itu, perkaitan doktrin dosa warisan dan doktrin-doktrin yang lain seperti soal pengampunan dosa turut memperlihatkan unsur-unsur yang hampir sama. Berbagai contoh pengampunan dosa yang dilakukan oleh pemimpin agama di Mesopotamia dan seperti yang dilakukan oleh bangsa Greek memperlihatkan satu doktrin yang turut terdapat dalam agama Kristian. Hanya konsep dan falsafah adalah berbeza bersesuaian dengan iklim kehidupan dan persekitaran masyarakat Kristian.

Di samping itu juga, untuk menjadi seorang penyelamat dan melakukan pengorbanan, darah hendaklah ditumpahkan. Oleh itu, jika dilihat di dalam agama Pagan dan agama Yahudi darah memainkan peranan penting untuk sebarang upacara keagamaan terutamanya untuk menghapuskan kejahatan dan perkara-perkara buruk. Apa yang jelas, darah dan upacara keagamaan menjadi suatu yang sinonim di dalam agama-agama terdahulu. Sehubungan dengan itu, kajian mendapati bahawa idea asas upacara korban bukanlah dilihat kepada upacara tersebut. Tetapi yang penting adalah penyatuan di antara manusia dengan Tuhannya melalui darah dan daging mangsa korban serta penyingkiran dosa dan kesalahan daripada tanggungan manusia melalui pengaliran darah. Ini kerana di dalam setiap upacara korban, darah pasti akan mengalir. Ini seolah-olah merupakan suatu kemestian sehingga arak yang digunakan di dalam upacara-upacara keagamaan diumpamakan seperti darah yang mengalir di dalam tubuh manusia.

Oleh itu tidak dapat disangkal lagi bahawa antara sebab utama perutusan Jesus Christ menurut pandangan agama Kristian adalah sebagai penebus dan penyuci dosa warisan manusia. Kenyataan ini bersesuaian dengan apa yang dinyatakan oleh David L. Coper di dalam bukunya *The Eternal God Revealing Himself to Suffering Israel and to Lost Humanity* bahawa salah satu tujuan diutuskan Jesus Christ sebagai *Messiah* di bumi adalah untuk melakukan

penebusan terhadap dosa warisan¹⁵². Oleh itu dalam agama Kristian, kematian yang dialami oleh Jesus Christ adalah tidak penting, tetapi yang utama adalah tujuan kematian Jesus Christ.

Justeru, kajian mendapati bahawa kematian yang dihadapi oleh Jesus Christ bukanlah suatu upacara yang disambut dengan gilang gemilang. Sebaliknya beliau telah dihina dan disiksa oleh bangsa Yahudi sebelum beliau disalib. Menurut agama Kristian soal itu tidak penting kerana yang utama adalah tujuan kematian Jesus Christ adalah sebagai penyuci dan penebus dosa warisan yang ditanggung oleh manusia sejagat. Hal yang sama turut dipercayai oleh para penganut agama Pagan yang menganggap mangsa yang dijadikan korban itu tidak penting tetapi tujuan ia dikorbankan lebih utama.

Secara keseluruhannya, unsur-unsur kepercayaan agama Pagan dan agama Yahudi terhadap konsep pengorbanan, penyelamat dan hidup kekal adalah titiktolak kepada pembentukan doktrin dosa warisan. Namun, ternyata konsep dan falsafahnya adalah berbeza bersesuaian dengan tuntutan agama dan kepercayaan beragama Kristian kini yang telah hilang identiti asalnya. Ternyata unsur-unsur amalan dan kepercayaan agama Pagan dan falsafah agama Yahudi mewarnai identiti agama Kristian kini khususnya dalam doktrin dosa warisan. Ia

¹⁵² David L. Coper (1953), *The Eternal God Revealing Himself to Suffering Israel and to Lost Humanity*. California: Biblical Research Society, hal. 212.

merupakan titik tolak ke arah perlaksanaan doktrin-doktrin utama agama Kristian yang lain. Elemen-elemen seumpama inilah yang telah meletakkan agama Kristian berbentuk universal iaitu mengandungi unsur-unsur kepercayaan masyarakat bukan Yahudi sebagai tarikan kepada golongan *gentiles* untuk menganutinya seperti yang dicita-citakan oleh St. Paul. Sekali lagi sumbangan St. Paul dalam meletakkan agama Kristian sebagai agama yang berpengaruh terserah melalui perubahan identitinya yang asal yang berbeza daripada ajaran asal Jesus Christ. Pastinya ia berkait rapat dengan tujuan halus St. Paul yang sedari awal memusuhi Kristian; walaupun dakwaannya untuk kembalikan kegemilangan agama Kristian yang telah mengalami kegelapan akibat ditindas oleh agama Yahudi. Ternyata kegemilangan yang dicapai oleh agama Kristian telah mengorbankan identiti asal ajaran Jesus Christ. Manakala agama Yahudi terus terserah sebagai di antara agama samawi yang masih berterusan mengamalkan ajaran Moses.